05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

PENERAPAN DIDIK HIBUR DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN BAHASA KADAZANDUSUN

JUNI DIKUL

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
2020

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

PENERAPAN DIDIK HIBUR DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN BAHASA KADAZANDUSUN

JUNI DIKUL

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN MOD PENYELIDIKAN

FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
2020

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

Please tick (√)
Project Paper [ ]
Masters by Research [√]
Master by Mixed Mode [ ]
PhD [ ]

INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES

DECLARATION OF ORIGINAL WORK

This declaration is made on the 11 day of Feb 2020

i. Student's Declaration:

I, JUNI DIKUL, M20162002561, FBK (PLEASE INDICATE STUDENT'S NAME, MATRIC NO. AND FACULTY) hereby declare that the work entitled PENERAPAN DIDIK HIBUR DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN BAHASA KADAZANDUSUN. is my original work. I have not copied from any other students' work or from any other sources except where due reference or acknowledgement is made explicitly in the text, nor has any part been written for me by another person.

Signature of the student

ii. Supervisor's Declaration:

I DR. ROSLIAH KITING (SUPERVISOR'S NAME) hereby certifies that the work entitled PENERAPAN DIDIK HIBUR DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN BAHASA KADAZANDUSUN (TITLE) was prepared by the above named student, and was submitted to the Institute of Graduate Studies as a * partial/full fulfillment for the conferment of SARJANA PENDIDIKAN BAHASA KADAZANDUSUN (PLEASE INDICATE THE DEGREE), and the aforementioned work, to the best of my knowledge, is the said student's work.

27.02.2020
Date

Signature of the Supervisor

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH / *INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES*

BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK *DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM*

Tajuk / *Title*: PENERAPAN DIDIK HIBUR DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN BAHASA KADAZAN DUSUN.

No. Matrik /*Matric No.*: M20162002561

Saya / *I* : JUNI DIKUL

(Nama pelajar / *Student's Name*)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-
acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
   The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
   Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
   The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (√) bagi pilihan kategori di bawah */ Please tick (√) from the categories below:-*

☐	**SULIT/*CONFIDENTIAL***	Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. */ Contains confidential information under the Official Secret Act 1972*
☐	**TERHAD/*RESTRICTED***	Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. */ Contains restricted information as specified by the organization where research was done.*
☑	**TIDAK TERHAD / *OPEN ACCESS***	

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

Tarikh: 27.02.2020

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

DR. ROSLIAH KITING
Pensyarah Kanan
Fakulti Bahasa dan Komunikasi
Universiti Pendidikan Sultan Idris
35900 Tanjong Malim, Perak.

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is CONFIDENTAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the related authority/organization mentioning the period of confidentiality and reasons for the said confidentiality or restriction.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

PENGHARGAAN

Syukur dan terima kasih Tuhan yang Maha pemurah lagi Maha pengasih, kerana dengan izinNya, saya dapat menyiapkan kajian ini dalam tempoh yang telah ditetapkan. Jutaan dan Setinggi-tinggi terima kasih saya ucapkan kepada Dr. Rosliah Kiting selaku pensyarah penyelia saya yang banyak membantu dan memberi tunjuk ajar didalam proses penyiapan kajian ini. Saya berasa amat bersyukur kerana beliau banyak bersabar dalam membimbing serta memberikan banyak nasihat, teguran, motivasi dan juga semangat kepada saya sepanjang menyiapkan kajian ini. Hanya doa yang mampu saya titipkan pada Tuhan agar membalas segala kebaikan beliau di dunia dan akhirat.

Seterusnya, terima kasih yang tidak ternilai saya ucapkan kepada kedua-dua ibubapa saya dan juga seluruh ahli keluarga saya yang sentiasa memberi sokongan moral, dorongan serta dari segi kewangan sepanjang pengajian saya di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Merekalah sumber kekuatan saya untuk terus berjuang dalam arena ilmu. Tanpa doa dan restu mereka, tidak mungkin usaha untuk menyiapkan kajian ini membuahkan hasil. Tidak lupa juga kepada pensyarah-pensyarah yang terlibat dan juga rakan-rakan seperjuangan yang banyak membantu saya secara langsung ataupun tidak langsung dalam proses menyiapkan hasil kajian ini.

Tidak lupa juga kepada pihak Institut Pengajian Siswazah UPSI, Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) dan juga sekolah yang terlibat dalam kajian ini. Kepada guru-guru yang terlibat didalam kajian ini, iaitu Penolong Kanan HEM SMK.Bundu Tuhan, Puan Nuis dan juga guru bahasa Kadazandusun Cik Lianah, saya ucapkan berbanyak-banyak terima kasih di atas kerjasama serta bantuan yang dihulurkan dari segi masa, tunjuk ajar, dan sokongan padu dalam bidang ini. Bagi mereka yang saya tidak dapat sebutkan satu-satu dalam wadah ini yang terlibat secara langsung atau pun tidak langsung, saya ingin ucapkan agar kalian sentiasa diberkati dan diberikan keberkatan walau di mana jua kalian berada. Akhir pinta, semoga dengan penghasilan kajian ini dapat memberikan manfaat kepada kita semua. Sekian Terima Kasih.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji penerapan didik hibur dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Kadazandusun dengan menggunakan cerita rakyat di salah sebuah sekolah menengah luar bandar di Negeri Sabah. Dalam kajian ini, objektif utama adalah meliputi 3 aspek yang paling penting iaitu mengenalpasti minat murid, menganalisis kesediaan murid dan seterusnya menghuraikan faktor penerimaan murid terhadap penerapan didik hibur dengan menggunakan cerita rakyat dalam pengajaran Bahasa Kadazandusun. Kajian ini merupakan kajian kuantitatif yang menggunakan borang soal selidik sebagai instrumen kajian. Data dianalisis secara deskriptif dari segi min dan sisihan piawai dengan menggunakan *Stastical Package For Science Social Version 23.* Dapatan kajian menunjukkan bahawa skor min bagi minat murid, kesediaan murid, serta penerimaan murid terhadap penerapan didik hibur berasaskan *tangon* (cerita rakyat) dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Kadazandusun adalah berada pada tahap tinggi dan sangat tinggi iaitu min 4.12, 4.07 dan 4.30. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pengajaran dan pembelajaran yang menerapkan didik hibur menyumbang kepada peningkatan dari segi minat, kesediaan dan penerimaan murid terhadap matapelajaran Bahasa Kadazandusun. Penerapan didik hibur terbukti mampu menarik minat murid untuk mempelajari matapelajaran Bahasa Kadazandusun. Ini merupakan salah satu cara untuk mendorong masyarakat agar terus mempelajari bahasa ibunda iaitu melalui pendokumentasian cerita-cerita lisan agar mereka lebih bermotivasi untuk mempelajari Bahasa Kadazandusun. Seterusnya, penggunaan *tangon* (Cerita rakyat) sebagai bahan bantu mengajar menyumbang kepada penambahan Bahan Bantu Mengajar (BBM) di dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Kadazandusun. Implikasi daripada kajian ini, ia dapat dijadikan sebagai satu perintis serta landasan kepada kajian yang lebih luas dan mendalam bagi bidang yang sama di dalam program serta kursus yang lain

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

IMPLEMENTATION OF EDUTAINMENT IN TEACHING AND LEARNING OF KADAZANDUSUN LANGUAGE

ABSTRACT

This research aims to study the implementation of edutainment in Kadazandusun teaching and learning by using folklore in one of the rural schools in Sabah. In these studies, the main objectives include three important aspects; identifying student interest, analyzing student readiness, and subsequently explain the factors of student acceptance to the implementation of edutainment using folklore in teaching Kadazandusun language. This study is a quantitative research using questionnaires form as a research instrument. Data were analyzed descriptively in terms of mean and standard deviation using the Statistical Package for Social Science Version 23. The findings show that mean scores for student interest, student readiness, and student acceptance on the implementation of *tangon*-based edutainment (folklore) in teaching and learning of the Kadazandusun language are at high and very high levels of 4.12, 4.07 and 4.30. This data explains that teaching and learning which implement edutainment contributes enhancement in student interest, readiness, and acceptance in Kadazandusun language subjects. The implementation of edutainment has proven to attract students to learn the Kadazandusun language. This is one of the ways to encourage people to continue learning their mother tongue through the documentation of oral stories so that they are more motivated to learn the Kadazandusun language. Subsequently, the use of *tangon* (folk stories) as teaching aids contributes to adding teaching aids (TA) for the teaching and learning of Kadazandusun language. This study implies that they can serve as a pioneer and a basis for a broader and more comprehensive study of the same field in other programs and courses.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

KANDUNGAN

Muka Surat

PERAKUAN ii

PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI iii

PENGHARGAAN iv

ABSTRAK v

ABSTRACT vi

KANDUNGAN vii

SENARAI JADUAL xi

SENARAI RAJAH xii

SENARAI SINGKATAN xiii

SENARAI LAMPIRAN xiv

BAB 1 PENGENALAN

1.1 Pendahuluan 1

1.2 Latar Belakang Kajian 2

1.3 Pernyataan Masalah 5

1.4 Objektif Kajian 7

1.5 Soalan Kajian 8

1.6 Kepentingan Kajian 8

1.6.1 Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) 8

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.6.2 Pusat Perkembangan Kurikulum (PPK) 9

1.6.3 Guru-Guru Bahasa Kadazandusun 10

1.6.4 Pelajar 10

1.7 Batasan Kajian 11

1.8 Definisi Pembolehubah 11

1.8.1 Penerapan 11

1.8.2 Didik Hibur 13

1.8.3 Pengajaran 13

1.8.4 Pembelajaran 14

1.8.5 Bahasa Kadazandusun 15

1.9 Kesimpulan 17

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1 Pendahuluan 18

2.2 Definisi Didik Hibur 19

2.3 Ciri-Ciri Didik Hibur 21

2.4 Sorotan Literatur 24

2.4.1 Kajian Berkaitan Didik Hibur di dalam dan Luar Negara 24

2.5 Pelaksanaan Didik Hibur di dalam Bilik Darjah 29

2.5.1 Peringkat Pertama 30

2.5.2 Peringkat Kedua 31

2.6 Ciri-Ciri Bahan Bantu Mengajar 33

2.7 Teori Behaviorisme 35

2.8 Teori Pengajaran Kognitif 37

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.9 Kesimpulan 40

BAB 3 METODOLOGI

3.1 Pendahuluan 41

3.2 Reka Bentuk Kajian 42

3.3 Prosedur Kajian 44

3.3.1 Proses Penghasilan Buku *Tangon* (Buku Cerita) 44

3.3.2 Proses Pengumpulan Data 46

3.4 Lokasi Kajian 50

3.5 Populasi dan Persampelan 50

3.6 Instrumen Kajian 51

3.7 Kebolehpercayaan Instrumen 53

3.8 Kajian Rintis 55

3.8.1 Proses Kajian Rintis 57

3.9 Keputusan Kajian Rintis 59

3.10 Kesimpulan 62

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1 Pendahuluan 63

4.2 Keputusan Soal Selidik 64

4.3 Data Demografi Sampel 65

4.4 Analisis Data 67

4.4.1 Analisis Data Objektif Kajian I 68

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.4.2 Analisis Data Objektif Kajian II 72

4.4.3 Analisis Data Objektif Kajian III 76

4.5 Kesimpulan 80

BAB 5 PERBINCANGAN, IMPLIKASI, CADANGAN DAN RUMUSAN

5.1 Pendahuluan 81

5.2 Perbincangan Dapatan Kajian 82

5.2.1 Mengenalpasti Minat Murid Terhadap Penerapan Didik Hibur didalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Kadazandusun. 82

5.2.2 Menganalisis Tahap Kesediaan Murid didalam Pembelajaran yang Menerapkan Didik Hibur. 90

5.2.3 Menghuraikan Tahap Penerimaan Murid Tentang Penerapan Didik Hibur didalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Kadazandusun 99

5.3 Implikasi Kajian 102

5.3.1 Guru 102

5.3.2 Murid 103

5.3.3 Pentadbir Sekolah 103

5.3.4 Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) 104

5.3.5 Institut Pendidikan (IPG,IPTA,IPTS) 104

5.4 Cadangan Kajian Lanjutan 105

5.5 Rumusan 108

RUJUKAN 109

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
2.1	Ciri-ciri Didik Hibur	27
3.1	Jadual Prosedur Pelaksanaan Kajian	49
3.2	Pekali Cronbach Alpha	61
4.1	Taburan Sampel Kajian Mengikut Jantina	65
4.2	Pengkelasan Min	67
4.3	Mengenalpasti Minat Murid Terhadap Penerapan Didik Hibur Didalam Proses Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Kadazandusun.	68
4.4	Menganalisis Tahap Kesediaan Murid Didalam Pembelajaran Yang Menerapkan Didik Hibur.	72
4.5	Menghuraikan Tahap Penerimaan Mmurid Tentang Penerapan Didik Hibur Didalam Pengajaran Dan Pembelajaran Bhasa Kadazandusun	76

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI RAJAH

No. Rajah		Muka Surat
2.1	Ciri-ciri Didik Hibur	24
2.2	Ciri-ciri Bahan Bantu Mengajar	34
4.1	Taburan Jantina Responden Kajian Mengikut Peratus (%)	66
4.2	Carta Bar Bagi Item Nombor 6	70
4.3	Carta Bar Bagi Item Nombor 5	71
4.4	Carta Bar Bagi Item Nombor 6	74
4.5	Carta Bar Bagi Item Nombor 2	75
4.6	Carta Bar Bagi Item Nombor 2	78
4.7	Carta Bar Bagi Item Nombor 3	79

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI SINGKATAN

BKD	Bahasa Kadazandusun
SJK	Sekolah Jenis Kebangsaan
KSSR	Kurikulum Standard Sekolah Rendah
PPSMI	Pengajaran dan Pembelajaran Sains Dan Matematik dalam Bahasa Inggeris
BPK	Bahagian Pembangunan Kurikulum
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
JPN	Jabatan Pendidikan Malaysia
PPD	Pejabat Pelajaran Daerah
IPTA	Institusi Pengajian Tinggi Awam
IPTS	Institusi Pengajian Tinggi Swasta
IPG	Institut Pengajian Guru
SPSS	Statsstical Packages For Social Science
PPK	Pusat Pengajian Kurikulum
KSSM	Kurikulum Standard Sekolah Menengah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI LAMPIRAN

A Borang Soal Selidik Kajian Rintis

B Borang Soal Selidik Sebenar

C Surat Pengesahan Borang Soal Selidik

D Surat Kebenaran Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)

E Surat Kebenaran Jabatan Pendidikan Negeri Sabah (JPN)

F Surat Kebenaran Pejabat Pelajaran Daerah (PPD)

G Surat Kebenaran Menjalankan Kajian Lapangan di Sekolah

H Pengesanan Bilangan Pelajar Mengikut Mata Pelajaran Yang Diambil Untuk Pengiraan PCG Mata Pelajaran Bidang Bahasa 2018.

I Modul Pengjaran Didik Hibur

J Rancangan Pengajaran Harian (RPH) dan Set Induksi.

K Bahan Bantu Mengajar- *Tangon* (Buku Cerita)

L i. Teks Buku Cerita Dalam Versi Bahasa Kadazandusun.
ii. Teks Buku Cerita Dalam Versi Bahasa Melayu

M Latih Tubi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 1

PENGENALAN

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.1 Pendahuluan

Pengajaran didik hibur merupakan teknik pengajaran abad ke 21. Pada tahun 2010, Kerajaan telah mengambil langkah dengan memperkenalkan kurikulum baru bagi sekolah rendah dalam sistem pendidikan negara iaitu Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) di mana ia merupakan kesinambungan daripada pemurnian Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR). KSSR telah memberi tumpuan terhadap empat kemahiran utama iaitu menulis, membaca, mengira, menulis serta menaakul. Kesemua kemahiran ini dilaksanakan dalam pengajaran didik hibur yang merupakan salah satu hasil pemurnian yang telah dilakukan daripada KBSR. Didalam kajian ini, pengkaji

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menggunakan penerapan elemen didik hibur iaitu aktiviti bercerita bagi menerapkan unsur didik hibur ke dalam pengajaran.

Berdasarkan kepada elemen didik hibur iaitu aktviti bercerita, maka kajian ini akan menumpukan kepada penerapan didik hibur ke dalam pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah. Dalam kajian ini, pengkaji akan menggunakan tiga kaedah utama untuk mengumpul hasil dapatan kajian ini. Kaedah yang pertama adalah dengan mengenalpasti minat murid terhadap penerapan didik hibur didalam proses pengajaraan dan pembelajaran bahasa Kadazandusun. Seterusnya kaedah yang kedua adalah dengan menganalisis tahap kesediaan murid didalam pembelajaran yang menerapkan unsur didik hibur. Dan yang terakhir ialah menghuraikan tahap penerimaan murid tentang penerapan didik hibur didalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Kadazandusun. Pengkaji akan mengumpul kesemua dapatan kajian ini dengan menggunakan borang soal selidik, kemudian ia akan dianalisis dengan menggunakan SPSS *Statistical Package for the social science version 23* untuk mendapat hasil anaslisis data.

1.2 Latar Belakang Kajian

Subjek Bahasa Kadazandusun mula diajar di sekolah rendah pada tahun 1997, kemudian ia mula dilaksanakan di sekolah menengah pada tahun 2006. Subjek Bahasa Kadazandusun merupakan salah satu subjek bahasa etnik yang terdapat di Malaysia sebagaimana ia diperuntukkan di bawah Akta Pendidikan Negara Malaysia pada tahun 1996. Tujuan mata pelajaran ini diadakan adalah bertujuan untuk melahirkan murid-

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

murid yang mampu berkomunikasi dengan berkesan bagi mengekalkan budaya warisan Kadazandusun terutamanya di Sabah dan Malaysia secara amnya, Rosliah Kiting, (2011:329).

Secara umumnya, masyarakat Kadazandusun mempunyai keunikan pada budaya serta bahasanya yang tersendiri yang masih belum dirungkai dan tidak pernah terlihatkan oleh masyarakat luar. Dalam hal ini, usaha gigih daripada kaum pendidik amat diperlukan bagi mengkaji semula keperluan pembelajaran murid-murid yang mengambil mata pelajaran Bahasa Kadazandusun. Harus dikaji semula bahawa hakikat yang tidak mampu kita nafikan apabila murid-murid pada masa kini memerlukan pembelajaran secara pelbagai. Kepelbagaian keperluan ini harus diambilkira bagi mewujudkan suasana pembelajaran yang lebih kondusif untuk murid-murid.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Melalui kebolehan dan daya kreativiti yang tinggi oleh guru, pemantapan pengajaran dalam pelbagai teknik atau strategi pengajaran akan lebih menarik minat dan seterusnya memberi kesan maksimum dalam proses penyampaian ilmu didalam bilik darjah. Salah satu pendekatan yang dapat memenuhi kriteria pengajaran itu adalah melalui perlaksanaan strategi didik hibur dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Kadazandusun. Dalam kajian ini, pengkaji telah menggunakan elemen yang terkandung dalam didik hibur iaitu buku cerita. Melalui penggunaan buku cerita sebagai bahan pengajaran ini, ia dapat memperkaya perbendeharaan kata dalam kalangan murid.

Pelbagai kaedah dan strategi boleh digunakan bagi membolehkan pelajar menimba perbendaharaan kata yang maksimum sesuai dengan tahap pembelajaran mereka, Rosliah Kiting (2011). Menurut beliau juga, kaedah dan strategi yang sesuai

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dengan penggunaan bahan bantu mengajar juga turut memainkan peranan yang penting sebagai pemangkin kepada pencapaian objektif pengajaran dan pembelajaran. Penguasaan tatabahasa bahasa Kadazandusun merupakan salah satu aspek yang amat penting. Malahan, aspek ini adalah tunjang utama untuk memsatikan guru da pnelajar untuk cekap dan mahir untuk menggunakan Bahasa Kadazandusun sama ada dalam penulisan ataupun pertuturan secara formal dalam kehidupan seharian.

Keberkesanan penerapan didik hibur merupakan tindak balas daripada kemampuan murid-murid mencerap ilmu melalui pendekatan ini dalam pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah. Dalam usaha menggapai hasrat kerajaan yang telah memperkenalkan pendekatan seni bahasa dan didik hibur di sekolah rendah, pelbagai usaha daripada pelbagai pihak untuk melihat dan menilai semula keberkesanan pendekatan ini. Selain itu, penambahbaikan dari semasa ke semasa bagi menjadikan proses pengajaran dan pembelajaran lebih interaktif dan lebih berpusatkan murid.

Rosliah Kiting (2011), menyatakan bahawa matlamat utama Bahasa Kadazandusun sekolah menengah adalah untuk melengkapkan murid dengan ketrampilan berbahasa dan berkomunikasi untuk memenuhi keperluan diri dalam bidang pendidikan, pekerjaan dan urusan seharian. Hal ini menujukkan pentingnya menguasai bahasa dengan betul bagi membantu seseorang dalam pelbagai aspek kehidupan. Oleh yang demikian, pengkaji berpendapat bahawa pendekatan didik hibur merupakan satu langkah yang difikirkan efektif untuk menyampaikan pengajaran dalam matapelajaran Bahasa Kadazandusun. Proses pengajaran melalui pendekatan didik hibur terhadap komponen bahasa dan sastera seperti aktiviti bercerita yang diaplikasikan oleh pengkaji dan dijalankan dalam suasana yang lebih santai dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

terkawal mampu menjadi nilai tambah dalam proses pengajaran bahasa Kadazandusun. Dalam proses pengajaran dan pembelajaran ini mampu memberi keseronokan murid dalam mempelajari Bahasa Kadazandusun secara terancang , bersistematik dan menyenangkan dalam suasana yang lebih santai.

1.3 Pernyataan Masalah

Pada tahun 2011, statistik murid yang mengambil matapelajaran Bahasa Kadazandusun di peringkat sekola rendah adalah seramai 13,837 orang murid.q Manakala di peringkat sekolah menengah pula hanya terdapat seramai 4165 orang murid sahaja. Pada tahun 2017, angka ini telah meningkat kepada 40,566 orang murid yang mengambil matapelajaran Bahasa Kadazandusun di peringkat sekolah Rendah dan seramai 4416 orang murid di peringkat sekolah Menengah *(Sumber: Temubual dengan pegawai Meja BKD, JPN Sabah pada 30 Oktober 2017*). Statistik menunjukkan peningkatan yang ketara pada tahun 2011 hingga tahun 2017. Namun demikian, peningkatan jumlah murid yang mengambil Bahasa Kadazandusun di peringkat sekolah Menengah masih tidak memberangsangkan.

Melihat kepada perbezaan diantara jumlah murid di Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah, timbul persoalan mengapakah wujud jurang perbezaan yang begitu jauh di antara kedua-dua jumlah pelajar tersebut? Adakah jurang perbezaan tersebut berkaitan dengan masalah yang disebabkan oleh kaedah pengajaran yang diamalkan oleh guru-guru didalam pengajaran dan pembelajaran? Menurut Ramlah Jantan (2002), didapati bahawa dalam kajian beliau, dalam sistem pendidikan pada masa kini yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

terlalu bergantung terhadap papan tulis, buku teks, dan guru adalah kurang sesuai diaplikasikan dalam sistem pendidikan pada masa kini yang telah melalui arus pemodenan yang begitu rancak sekali. Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM), (1992) ada menyatakan didalam laporan bahawa terdapat beberapa faktor yang telah mempengaruhi pencapaian akademik murid. Ia termasuk kaedah-kaedah yang telah dipraktikan oleh guru didalam bilik darjah adalah tidak berkesan.

Menurut Howard J. Shaffer (2011), bagi mewujudkan keceriaan aspek emosi adalah melalui kaedah ataupun amalan pembelajaran yang menyeronokkan didalam proses pembelajaran di bilik darjah mahupun daripada interaksi bersama dengan murid dalam situasi yang tidak formal. Senario ini akan memberikan impak yang lebih positif dalam hubungan diantara guru dan murid serta mengehadkan batasan hubungan atau formality diantara murid dengan guru. Dalam hal ini juga, pengaplikasian pembelajaran yang menyeronokkan oleh guru juga akan menyebabkan mereka sentiasa disukai dan disenangi oleh murid apabila mereka yakin bahawa guru tersebut lebih bersifat mesra terhdap murid-murid.

Menurut hasil kajian oleh Rosneh Wasli (2013), iaitu berkaitan tentang minat pelajar terhadap mata pelajaran Kadazandusun dalam kalangan pelajar Daerah Tambunan di Sabah mendapati bahawa semenjak mata pelajaran bahasa Kadazandusun diperkenalkan pada tahun 2006, penerimana oleh murid-murid terhadap mata pelajaran ini adalah kurang memberangsangkan jika dibandingjan dengan jumlah pelajar yang berbangsa Kadazandusun terutamanya di daerah Tambunan, Sabah. Dalam kajian ini juga mendapati bahawa, kurangnya minat murid terhadap matapelajaran ini menyebabkan mereka tidak mengambil subjek ini di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

(SPM). Faktor-faktor yang telah dikenalpasti telah mempengaruhi minat murid terhadap matapelajaran bahasa Kadazandusun ini diantaranya adalah faktor-faktor seperti persekitaran, globalisasi, sumber pengajaran dna pembelajaran (perbezaan dialek), latar belakang keluarga, pemerolehan bahasa pertama dan seterusnya dasar-dasar kurikulum terhadap mata pelajaran Bahasa Kadazandusun. Sehubungan dengan itu, kajian ini penting untuk melihat keberkesanan pendekatan Didik Hibur dalam mempengaruhi minat pelajar terhadap subjek ini.

1.4 Objektif Kajian

Objektif yang ingin dicapai dalam kajian ini adalah seperti berikut :

a. Mengenalpasti minat murid terhadap penerapan didik hibur didalam proses pengajaran dan pembelajaran Bahasa Kadazandusun.
b. Menganalisis tahap kesediaan murid didalam pembelajaran yang menerapkan didik hibur.
c. Menghuraikan tahap penerimaan murid tentang penerapan didik hibur didalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Kadazandusun.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.5 Soalan Kajian

Kajian ini adalah bertujuan untuk melihat sejauh mana keberkesanan penerapan didik hibur ke dalam pengajaran dan pembelajaran melalui analisis soalan kajian yang berikut:

a. Sejauh manakah minat murid untuk melibatkan diri di dalam proses pengajaran dan pembelajaran yang menerapkan didik hibur?
b. Sejauh manakah tahap kesediaan murid didalam pembelajaran yang menerapkan unsur didik hibur?
c. Sejauh manakah tahap penerimaan murid tentang penerapan didik hibur didalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Kadazandusun.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.6 Kepentingan Kajian

Kajian ini penting dan berguna kepada:

1.6.1 Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)

Melalui hasil dapatan kajian ini, diharap agar dapat memberi sumbangan kepada Kementerian Pelajaran Malaysia dalam pembinaan modul berunsurkan elemen didik hibur yang mampu memenuhi kriteria KSSM. Selain itu, kajian ini juga dapat membantu pihak perancang kurikulum serta pengelola dalam mengenalpasti aspek-

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

aspek yang perlu diberi perhatian dalam usaha menambahbaik aktiviti dengan memasukkan kepelbagaian aktiviti berkaitan dengan didik hibur didalam program pendidikan. Usaha membukukan kepelbagaian aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang berunsurkan didik hibur harus dipergiatkan lagi sebagai panduan kepada guru-guru dan juga para pengkaji bagi menambahbaik mutu pedagogi di Malaysia khususnya.

1.6.2 Pusat Perkembangan Kurikulum (PPK)

Melalui penghasilan kajian ini juga, mampu memberi impak positif di mana dapat mencetus idea dalam penghasilan buku panduan pengajaran dan pembelajaran bagi subjek Bahasa Kadazandusun. Memandangkan kurikulum amat penting dalam dunia pendidikan di Malaysia, maka kajian ini adalah penting kepada penggubal kurikulum bahasa Kadazandusun agar memandang berat terhadap kepentingan penerapan didik hibur ke dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Kadazandusun. Kajian ini akan memberi inspirasi serta idea kepada penggubal kurikulum untuk meningkatkan kualiti kurikulum melalui sumbangan kajian ini terhadap didik hibur didalam pengajaran bahasa Kadazandusun terutamanya di peringkat sekolah menengah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.6.3 Guru-Guru Bahasa Kadazandusun

Melalui kajian ini, ia dapat membantu para guru bagi merancang aktiviti yang sesuai untuk diaplikasikan didalam kelas. Aktiviti pembelajaran yang berunsurkan didik hibur seperti aktiviti bercerita melalui suasana pembelajaran yang terancang dapat membantu dalam perkembangan murid dari aspek kognitif, emosi, jasmani, rohani serta kemahiran sosial. Melalui kajian ini juga, pengkaji berharap agar guru-guru dapat mengaplikasikan unsur-unsur yang terkandung dalam elemen didik hibur agar dapat dimanfaatkan sebaiknya didalam pengajaran dan pembelajaran abad ke 21 kini. Guru-guru juga harus kreatif dan sentiasa berfikiran kehadapan dengan menambah *skill* dan ilmu dalam bidang pedagogi agar budaya pembelajaran murid-murid sejajar dengan perkembangan teknologi masa kini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.6.4 Pelajar

Hasil kajian ini penting untuk pelajar sekolah dan institusi tinggi bagi mempelajari bahasa Kadazandusun melalui pendekatan didik hibur yang mampu menarik minat mereka untuk mempelajari subjek tersebut. Bagi pelajar di institusi pengajian tinggi pula, mereka boleh menggunakan modul serta menjadikan kajian ini sebagai bahan rujukan semasa menjalani latihan mengajar di sekolah pada masa akan datang.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.7 Batasan Kajian

Lokasi untuk menjalankan kajian ini terbatas di sekolah luar bandar di salah satu daerah yang terdapat di Negeri Sabah sahaja. Responden adalah terhad kepada murid menengah rendah yang mengambil mata pelajaran bahasa Kadazandusun sahaja. Dalam kajian ini, pengkaji akan memberi fokus kepada tiga objektif kajian iaitu objektif yang pertama ialah mengenalpasti minat murid terhadap penerapan didik hibur didalam proses pengajaran dan pembelajaran Bahasa Kadazandusun. Manakala objektif yang kedua ialah berkenaan dengan analisis tahap kesediaan murid didalam pembelajaran yang menerapkan unsur didik hibur. Seterusnya objektif yang terakhir adalah menghuraikan tahap penerimaan murid tentang penerapan didik hibur didalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Kadazandusun.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.8 Definisi Pembolehubah

1.8.1 Penerapan

Kamus Pelajar Edisi Kedua mentakrifkan penerapan iaitu kata terbitan daripada kata akar ‘terap’ sebagai satu hal iaitu perbuatan menerap atau menerapkan sesuatu, menerapkan sesuatu teori atau hal-hal yang berkaitan dengan hal mempraktikkan. Manakala, Kamus Besar Bahasa Indonesia (KBBI) memberi takrifan ‘penerapan’ sebagai suatu perbuatan menerapkan. Menurut pendapat daripada beberapa tokoh

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

seperti Cahyononim dalam J.S Badudu dan Sutan Mohammad Zain (2010), beliau berpendapat bahawa penerapan adalah satu tindakan yang telah dilakukan oleh individu ataupun sekumpulan manusia dengan tujuan untuk mencapai objektif yang telah dicanangkan.

Penerapan adalah satu kegiatan yang mempunyai tiga unsur penting dan 'syarat' untuk mendapatkan hasilnya, Wahab (2008). Unsur-unsur penerapan yang dimaksudkan terdiri daripada ;

a. Terdapat perlaksanaan program.

b. Terdapat kumpulan sasaran. Sasaran boleh terdiri daripada sekelompok masyarakat yang menjadi target yang menerima manfaat dan kebaikan daripada program yang diadakan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

c. Melalui perlaksanaan sesuatu program, terdapat organisasi ataupun individu yang bertanggungjawab sepenuhnya untuk mengelola dan menguruskan perlaksanaan tersebut daripada proses penerapan yang dilaksanakan.

Melalui istilah dan pendapat daripada tokoh diatas, maka penerapan akan dapat dilaksanakan apabila wujudnya program-program yang mempunyai kumpulan sasaran dan mendapat segala faedah serta manfaat yang ingin digapai oleh pelaku atau individu yang menjalankan program tersebut.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.8.2 Didik Hibur

Menurut *Kamus Dewan* (2000), ia mentakrifkan didik sebagai pelihara, jaga dengan hati-hati dan ajar. Manakala hibur pula membawa maksud menyenangkan atau menggirangkan hati. Didikhibur merupakan satu pendekatan dalam proses pengajaran dan pembelajaran yang bersifat santai dan berhibur dengan penekanan pelaksanaannya terhadap beberapa elemen seperti nyanyian, lakonan, bercerita dan berpuisi.

Melalui definisi oleh Meller menurut Indrawati dan Wanwan Setiawan (2009), bagi mewujudkan senario pembelajaran yang menggembirakan serta menyenangkan, seorang guru perlu memainkan peranan secara maksimum. Dalam kajian ini,didik hibur bermakna penumpuan terhadap penglibatan pelajar secara maksimum. Suasana ini dapat diwujudkan dengan berpegang kepada konsep didik hibur iaitu belajar dalam suasana yang lebih santai dan menyeronokkan namun masih dalam keadaan yang terkawal.

1.8.3 Pengajaran

Menurut Mok (2000), pengajaran adalah satu aktiviti menyampaikan isi sesebuah pengajaran di samping memotivasikan pelajar untuk mempersiapkan diri menerima ilmu, penekanan dari aspek disiplin, serta mendorong mereka untuk melakukan aktiviti dan interaksi yang lebih positif. Seterusnya, menurut Noraini dan Shuki (2009), pula pengajaran adalah merangkumi 3 aspek iaitu, pendekatan, strategi serta kaedah yang digunakan bagi menyampaikan segala isi kandungan mata pelajaran yang terkandung di dalam standard kurikulum yang telah ditetapkan. Menurut Ee Ah Meng (2003) pula,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pengajaran merupakan satu proses menyampaikan kemahiran, ilmu pengetahuan, sikap serta nilai-nilai.

Pengajaran boleh dilakukan melalui penerangan, menunjukkan cara, melalui ujikaji atau eksperimen atau gabungan kesemua kaedah tersebut. Ia berkait rapat sebagaimana seorang guru menyampaikan ilmu melalui pendekatan yang paling sesuai. Malah, proses pengajaran bukan sahaja berlaku di dalam bilik darjah, akan tetapi boleh berlaku secara tidak formal di luar bilik darjah.

Dalam kajian ini, pengajaran merupakan satu aktiviti menyampaikan ilmu yang melibatkan guru dan pelajar dalam suasan pembelajaran yang menyeronokkan. Suasana pembelajaran yang menyeronokkan ini dapat di wujudkan melalui penglibatan penuh oleh pelajar melalui pendekatan yang di aplikasikan oleh guru di dalam bilik darjah iaitu penerapan unsur didik hibur bagi mewujudkan suasan pembelajaran yang bersifat lebih santai dan menyeronokkan.

1.8.4 Pembelajaran

Menurut Lee Shok Mee (1998), pembelajaran diertikan sebagai satu cara untuk mendapatkan maklumat serta pengetahuan, bagaimana untuk menguasai sesuatu kemahiran dan sifat, seterusnya membentuk sikap dan keyakinan dalam diri seorang murid. Oleh yang demikian, dalam kajian ini, pembelajaran dapat dirumuskan sebgaai satu kaedah ataupun cara seseorang murid untuk menimba ilmu pengetahuan dan seterusnya memperolehi keputusan yang lebih cemerlang didalam peperiksaan kelak

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Shahabudin Hashim (2003) pula mentakrifkan pembelajaran sebagai memperhalusi fikiran serta menambahbaik kebolehan berfikir seseorang individu, mendalami kefahaman seseorang tentang sesuatu isu serta meningkatkan kefahaman yang lebih mendalam tentang fenomena seperti memperolehi teknik yang jauh lebih baik mahupun fakta yang lebih baharu. Menurut Gagne (1974) dalam Ghafar (2003), pembelajaran merupakan perubahan dari segi pemikiran, sikap serta kebolehan seseorang individu yang bukan disebabkan oleh peroses tumbesaran, sebaliknya ia adalah kesan daripada peningkatan dari segi kebolehan bagi sesuatu perbuatan mahupun pekerjaan yang berkaitan tentang sikap, minat dan seterusnya nilai-nilai didalam diri individu.

1.8.5 Bahasa Kadazandusun

Dalam kajian yang lalu, beberapa terhadap definisi yang menyatakan maksud bahasa. Menurut Finocchiaro (1964), bahasa merupakan sistem yang arbitrari dimana simbol bunyi bersuara yang membenarkan semua orang dalam budaya itu ataupun mereka yang mempelajari sistem budaya berkomunikasi. Manakala dalam kamus Linguistik (1997), pula mendefinisikan bahasa sebagai sesuatu keupayaan fitrah manusia yang berupa satu sistem lambang bunyi bersuara arbitrary yang dipersetujui bersama melalui satu kelompok sosial dan digunakan sebagai alat untuk berinteraksi.

Manakala Kadazandusun pula ditakrifkan sebagai bangsa yang mewakili 40 kumpulan dialek iaitu orang-orang yang bahasa ibundanya ialah salah satu daripada dialek tersebut, mengamalkan tradisi, adat resam dan menunjukkan manifestasi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kebudayaan rumpun Kadazandusun, Topin dan Udong (2001) dalam Rosliah Kiting (2016). Dalam kajian ini, Bahasa Kadazandusun merujuk kepada bahasa yang sudah piawai dan digunapakai dalam pengajaran dan pembelajaran bagi subjek Bahasa Kadazandusun di sekolah menengah dan rendah di mana ia tertakluk di bawah Akta Kementerian Pendidikan Malaysia.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.9 Kesimpulan

Secara keseluruhannya, kajian ini adalah bertujuan untuk melihat sejauh mana penerapan didik hibur mempengaruhi minat, tahap kesediaan dan penerimaan murid dalam mata pelajaran Bahasa Kadazandusun di sekolah menengah rendah. Lokasi kajian adalah tertumpu di sekolah luar bandar dimana subjek bahasa Kadazandusun ini ada ditawarkan. Bagi mencapai matlamat serta objektif kajian ini, pengkaji mengambil beberapa pendekatan seperti menjalankan kerja lapangan dengan mempraktikan modul didik hibur di sekolah terpilih serta mengedarkan borang soal selidik untuk mendapat respon daripada sampel kajian iaitu murid yang terlibat dalam kajian ini.

Seterusnya, dalam Bab Dua akan membincangkan tentang literatur yang telah menjadi asas kepada rujukan yang digunakan bagi memahami skop kajian dengan lebih terperinci.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 2

TINJAUAN LITERATUR

2.1 Pendahuluan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pada tahun 2011, Kementerian pendidikan Malaysia (KPM) telah mencadangkan tentang kaedah didik hibur agar diserap dalam Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR). Cadangan ini berikutan setelah keputusan kabinet pada 8 Julai 2009 iaitu PPSM dimansuhkan dimana mata pelajaran bagi Sains dan Matematik akan diajar semula dalam Bahasa Malaysia di sekolah-sekolah kebangsaan. Setelah itu, perlaksanaannya akan menyusul kemudian di Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK) Cina dan Tamil pada tahun 2012, Shamsudin Othman dan Abdul Rasid Jamian (2011). Bagi merealisasikan transformasi pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah, maka Kerajaan telah memperkenalkan teknik didik hibur di sekolah rendah . Pengenalan serta pendekatan teknik didik hibur ini diharap akan menjadikan proses pembelajaran yang lebih aktif dapat diwujudkan di dalam kelas malah lebih berpusatkan murid. Ciri-ciri

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

didik hibur yang terkandung di dalam pengajaran ialah sesi pembelajaran yang menyeronokkan kerana adanya unsur Humor.

Penerapan didik hibur didalam pengajaran dan pembelajaran akan dilihat melalui tiga aspek iaitu dari aspek minat, kesediaan dan penerimaan murid melalui pengajaran guru didalam billik darjah yang kemudiannya akan mengumpul hasil dapatan kajian melalui respon daripada sampel melalui soal selidik yang akan diedarkan. Soal selidik yang dimaksudkan adalah meliputi tiga bahagian yang terdiri daripada bahagian A, bahagian B, bahagian C dan seterusnya bahagian D. Penerapan didik hibur ke dalam pengajaran adalah bergantung sepenuhnya kepada teknik yang digunakan oleh guru bagaimana untuk mengaplikasikan pengajaran yang berunsurkan didik hibur sebagai satu kaedah utama untuk menyampaikan ilmu. Maka dengan itu, guru-guru perlu kreatif dan kritis untuk memilih teknik pengajaran yang menarik dan berkesan agar mampu melahirkan murid yang dapat berbahasa dengan menggunakan tatabahasa yang betul, Rosliah Kiting (2011).

2.2 Definisi Didik Hibur

Menurut *Kamus Dewan* (2000), didik telah didefinisikan sebagai pelihara, jaga dengan hati-hati dan ajar. Manakala hibur pula membawa maksud sebagai menggembirakan atau menggirangkan. Dalam *Kamus Besar Bahasa Melayu* (Utusan, 2002) pula menyatakan bahawa didik sebagai bimbing, manakala hibur pula membawa makna gembira atau girang. Melalui penggabungan dua perkataan ini, maka telah membentuk frasa iaitu didik hibur. Seterusnya *Kamus Dewan* (2010) pula mentakrifkan didik

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

sebagai proses mendidik, dan hibur pula membawa maksud menyeronokkan, menggembirakan dan menarik minat dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Menurut Mazlan Ismail (2016), didik hibur juga boleh dikaitkan dengan humor. Kamus Oxford Fajar (2000) mentakrifkan humor sebagai kualiti atau jenaka sesuatu keadaan ataupun kemampuan untuk menjadikan sesuatu itu menghiburkan. Manakala, Yahya (2012), mengaitkan humor dengan kelucuan dimana ia boleh menyebabkan seseorang berasa seronok apabila mendengarkannya. Seterusnya Abdul Ghani, Abdul Rahman dan Abdul Rashid (2010) dalam Tay Meng Guat, (2015) berpendapat bahawa seorang guru perlu bijak menggunakan bahasa yang mampu menzahirkan perasaan lucu, penggunaan grafik seperti kartun serta *body language* yang dapat menimbulkan suasana yang menyeronokkan kepada murid.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Shaffe (2011), menyatakan bahawa amalan jenaka oleh guru mampu mewujudkan suasana pembelajaran yang menyeronokkan. Malah guru perlu kreatif dalam merancang cara-cara pengajaran yang lebih berkesan melalui kepelbagaian didik hibur. Provine (2000) pula berpendapat bahawa penggunaan unsur humor juga mampu melahirkan suasana yang kondusif dalam pengajaran dan pembelajaran selain daripada menarik minat murid. Manakala Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK) (2010), melihat didik hibur dalam konteks yang lebih luas, iaitu didik hibur adalah satu pendekatan dalam proses pengajaran dan pembelajaran yang menekankan persekitaran pembelajaran yang menyeronokkan dengan terancang. Pendekatan yang dimaksudkan adalah merentas kemahiran bahasa, iaitu kemahiran bertutur, kemahiran membaca, kemahiran mendengar, kemahiran menulis, aspek bahasa dan juga aspek tatabahasa.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Populasi dalam kajian ini adalah seramai 30 orang murid sekolah menengah rendah yang berbangsa Kadazandusun dan mengambil mata pelajaran Bahasa Kadazandusun di sekolah yang dipilih. Dalam kajian ini, pengkaji telah memilih populasi kajian seramai 30 orang dan sampel ialah seramai 28 orang mengikut penentuan saiz sampel berdasarkan populasi Krejecie dan Morgan (1970). *(Adapted from R.V. Krejecie and D.W. Morgan, "Determining Sample Size for Research Activities," Educational and Psychological Measurement, 30(3),p.608.)* Sampel-sampel yang kajian yang dipilih tidak mengambil kira faktor-faktor seperti jantina, bangsa serta pengkhususan kelas.

3.6 Instrumen Kajian

Menurut Mohd. Najib Abdul Ghafar (2003), instrumen adalah alat yang digunakan bagi mengukur tingkah laku dan bukannya fizikal individu. Komponen utama alat ini adalah item-item atau soalan-soalan yang mampu merangsang ataupun mendapatkan respon daripada sampel yang terlibat. Mohd. Najib Abdul Ghafar (2003) juga berpendapat bahawa ciri-ciri instrumen yang baik adalah mempunyai objektiviti, kesahan, kebolehpercayaan serta kepenggunaan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Memandangkan kajian ini adalah berbentuk kuantitatif, maka penggunaan borang soal selidik adalah amat sesuai kerana ia bersifat lebih mudah dan efektif. Penggunaan borang soal selidik adalah anatara alat yang digunakan untuk mengumpul data yang biasanya digunakan oleh pengkaji-pengkaji. Hal ini demikian kerana soal selidik mampu mengumpul data secara terperinci, tersusun dan lebih piawai, Khalid Johari (2003) dalam Rosliah Kiting (2013).

Dalam kajian ini, soal selidik yang digunakan adalah dipetik dan diubahsuai daripada Eda Muryanti Bt. Eman Murhit (2015). Soal selidik ini mengandungi 4 bahagian yang terdiri daripada bahagian A, B, C dan D. Kesemua bahagian ini mengandungi 10 soalan bagi setiap bahagian. Namun, bahagian A hanya melibatkan item-item seperti kelas, jantina dan pencapaian gred dalam peperiksaan terikin Bahasa Kadazandusun. Manakala dalam Bahagian B ia mengandungi 10 item yang berkaitan dengan minat murid terhadap penerapan didik hibur didalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Kadazandusun. Seterusnya dalam bahagian C juga mengandungi 10 soalan, iaitu berkiatan dengan analisis tahap kesediaan murid didalam pembelajaran yang menerapkan unsur didik hibur. Dan bahagian yang terakhir iaitu bahagian D, adalah bahagian yang berkaitan dengan tahap penerimaan murid tentang penerpaan didik hibur didalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Kadazandusun.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.7 Kebolehpercayaan Instrumen

Menurut Rosliah Kiting (2013), kesahan dan kebolehpercayaan instrumen adalah amat penting untuk mempertahankan kejituan instrumen agar terhindar daripada sebarang kecacatan. Rujuan pengkaji membuat kesahan instrumen adalah untuk menjamin item-item supaya bersifat *defensibility* (dapat dipertahankan) iaitu hasil dapatannya tepat dan berguna, *accuracy* (ketepatan) iaitu merujuk kepada ketepatan jawapan dalam soalan kajian, *appropriatetness* (kesesuaian)iaitu relevan dengan halatuju kajian, *meaningfulness* (bererti) iaitu dapat memberi makna terhadap data melalui skor dan seterusnya *usefulness* (kebolehgunaan) iaitu dapat membuat keputusan berkenaan dengan apa yang ingin dicari atau ingin dihasilkan, Rosliah Kiting (2013).

Menurut William Wiersma (2000) dalam Rosliah Kiting (2013), menyatakan bahawa kebolehpercayaan instrumen merupakan satu nilai ukuran bagi menentukan ketekalan skor bagi setiap item. Manakala Mohd. Majid Konting (2004) ada mengatakan bahawa ketekalan sesuatu alat ukur dalam mengukur pembolehubah mahupun adalah pengertian bagi konsep kebolehpercayaan bagi alat pengukuran. Dalam kajian ini, alat ukur yang dimaksudkan ini adalah soal selidik. Kebolehpercayaan menunjukkan ketekalan sesuatu instrumen itu tanpa ralat. Oleh yang demikian mana-mana instrumen yang digunakan boleh dipercayai jikalau instrument tersebut menghasilkan dapatan yang konsisten setiap kali melakukan pengukuran, Noraini Idris (2010). Hal ini akan memastikan pengukuran yang konsisten pada masa yang berbeza dengan kepelbagaian item dalam instrumen yang digunakan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Mohd Majid Konting (2004), Menyatakan bahawa alat ukur bagi sesuatu gagasan mahupun pembolehubah dengan tekal dikatakan mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi. Manakala alat ukur yang meberikan hasil market yang tidak konsisten ataupun berubah-ubah bagi mengukur sesuatu gagasan ataupun pembolehubah yang sama dikatakan sebagai tidak tekal yang seterusnya mempunyai kebolehpercayaan yang rendah.

Menurut pallant (2001), instrumen yang mempunyai nilai alfa yang melebihi 0.7 dikatakan boleh dipercayai. Manakala Mohd. Najib Abdul Ghafar (2003) pula menyatakan apabila koefisien dalam analisis korelasi diantara tadbiran soal selidik yang pertama dengan tadbiran soal selidik yang kedua melebihi 0.8, maka alat ukur ataupun soal selidik tersebut mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Instrumen yang digunakan dalam kajian ini merupakan soal selidik yang dipetik dan diubahsuai mengikut kesesuaian konteks daripada soal selidik oleh Eda Muryanti bt. Emam Murhit (2015). Setelah soal selidik disusun dan menlalui beberapa kali penambahbaikan, maka baharulah instrumen ini mendapat pengesahan daripada pensyarah Universiti Pendidikan Sultan Idris yang dipilih dan mereka ini merupakan pakar dalam bidang kajian yang pengkaji jalankan. Prosedur ini adalah amat penting bagi memastikan agar tiada kesilapan ataupun kekurangan dalam soal selidik yang digunakan sebagai instrumen utama. Bagi memperolehi kebolehpercayaan terhadap instrumen, pengkaji telah menjalankan kajian rintis terlebih dahulu. Kajian rintis ini telah dianalisis dengan menggunakan perisian SPSS *Version 23.*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.8 Kajian Rintis

Instrumen kajian ini adalah dipetik kemudian diubahsuai mengikut konteks kajian daripada soal selidik asal oleh Eda Muryanti Bt Eman Murhit, (2015). Oleh kerana soal selidik ini melalui pengubahsuaian oleh pengkaji sendiri, maka kajian rintis amatlah penting bagi menentukan kesahan dan kebolehpercayaan instrumen yang digunakan ini. Kajian rintis ini dijalankan adalah untuk menentukan kesahan dan kebolehpercayaan item-item dalam borang soal selidik. Dalam hal ini juga, kajian rintis ini juga amat penting bagi menentukan sama ada item-item yang dikemukakan adalah sesuai mengikut urutan dan susunan yang logik dan mampu menjawab objektif kajian yang telah dikemukakan.

Menurut Walter dan Damien (1979), kajian rintis adalah permulaan kepada percubaan (preliminary trial) sebelum item-item daripada ujian sebenar diberikan percubaan kepada sampel yang sebenar. Hal ini adalah bertujuan untuk mendapatkan data daripada ujian percubaan melalui kumpulan populasi yang lebih kecil. Manakala, Gronlund dan Linn (1990) dalam Rosliah Kiting (2013), kebolehpercayaan sesuatu soal selidik menunjukkan darjah ketekalan serta tahap keyakinan terhadap keputusan yang diperolehi. Melalui rujukan-rujukan yang dilakukan oleh pengkaji, maka adalah amat penting untuk menjalankan kajian rintis berdasarkan tujuan serta kepentingan yang telah dinyatakan oleh pengkaji-pengkaji terdahulu.

Dalam kajian rintis ini, soal selidik telah diedarkan kepada sampel kajian yang terdiri daripada 10 orang murid sekolah menengah. Pemilihan jumlah ini adalah bersesuaian mengikut saiz sampel oleh Krejecie dan Morgan (1970), dan subjek ini

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

adalah mencukupi. Sampel kajian rintis yang terlibat adalah dari populasi yang sama tetapi bukan sampel kajian yang sebenar. Kesemua sampel percubaan diberikan penerangan ringkas mengenai borang soal selidik yang diedarkan dari segi bahagian-bahagian dan kehendak soalan sebelum diberikan arahan untuk menjawab borang soal selidik tersebut. Sampel-sampel percubaan yang mewakili keseluruhan populasi murid sekolah menengah yang mengambil mata pelajaran Bahasa Kadazandusun ini diminta untuk menjawab borang soal selidik disamping memberi komen terhadap kejelasan, kemudahfahaman, ketekalan, kebolehbacaan dan kesahan item-item soal selidik tersebut.

Namun sebelum itu, pengkaji telah memberikan penerangan secara ringkas iaitu memperkenalkan diri dan cara-cara untuk menanda pilihan jawapan yang sesuai sebelum sampel mula untuk menandai skala pilihan mereka dalam soal selidik tersebut. Setelah selesai menandakan kesemua borang soal selidik, pengkaji telah berjaya mengumpul dan mendapatkan kesemua borang soal selidik yang telah diedarkan. Pengkaji telah menyemak semula borang soal selidik yang baharu diperoleh itu bagi memastikan kesemua soalan di jawab dengan lengkap. Selepas itu, pemprosesan untuk mendapatkan hasil analysis daripada kajian rintis akan dijalankan bagi menentukan tahap kesahan dan kebolehpercayaan borang soal selidik tersebut.

Bagi menentukan tahap kesahan, pengkaji telah menjalanakn perbincangan terhadap setiap item bersama dengan sampel kajian rintis. Perbincangan yang dijalankan adalah merangkumi kefahaman mereka dengan setiap pernyataan perkataan dan ayat dalam item tersebut. Pengkaji telah membuat catatan berkenaan dengan masalah yang dihadapi oleh sampel kajian rintis untuk tujuan pengubahsuaian dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

penambahbaikan soal selidik. Item yang tidak difahami, samar serta diberikan jawapan yang berbeza dengan objektif kajian akan diubahsuai dengan menggunakan struktur ayat yang sesuai dan mudah difahami oleh sampel.

3.8.1 Proses Kajian Rintis

Langkah pertama yang pengkaji lakukan adalah dengan menyediakan borang soal selidik. Memandangkan pengkaji memilih sebuah sekolah sahaja untuk menjalankan kajian ini, maka pengkaji telah berhubung terus dengan pihak sekolah terbabit untuk mengetahui populasi kajian iaitu murid sekolah menengah rendah yang mengambil mata pelajaran Bahasa Kadazandusun. Melalui maklumat yang diperolehi, pengkaji telah mengenalpasti bilangan minimum bagi sampel kajian yang telah ditentukan dengan merujuk Jadual Penentuan Saiz Sampel oleh Krejecie dan Morgan (1970). Jadual Penentuan Saiz Sampel ini boleh dirujuk dalam lampiran B (Akan dikemaskini kemudian): R.V. Krejecie and D.W Morgan dalam *"Determining Sample Size for Research Activities".*

Sebelum pengkaji menjalankan kajian rintis, pengkaji telah membina soal selidik berdasarkan pembacaan serta penyelidikan perpustakaan yang berkaitan dengan kajian seperti jurnal, buku, thesis serta kajian-kajian luar dan dalam negara yang terdahulu berkenaan dengan didik hibur. Seperti yang dinyatakan oleh Mohd. Najib Abdul Ghafar (2003), pengkaji kemudiannya melaksanakan kajian rintis bagi menentukan kesahan serta kebolehpercayaan instrumen yang ingin digunakan. Kajian rintis juga dijalankan bertujuan untuk menguji kaedah yang terbaik untuk mentadbir

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

instrumen, mengenalpasti sampel dan kesesuaian kaedah analisis selain daripada penentu kepada kesahan dan kebolehpercayaan instrumen tersebut.

Langkah yang seterusnya adalah dengan menjalankan kajian rintis oleh pengkaji. Kajian rintis ini telah dilaksanakan di lokasi dan sampel yang mempunyai ciri-ciri yang lebih kurang sama dengan lokasi dan sampel kajian yang sebenar. Sepanjang perlaksanaan kajian rintis tersebut, ia telah ditadbir oleh pengkaji sendiri. Borang soal selidik yang telah digunakan dan diedarkan telah lengkap diisi oleh kumpulan sampel yang dianalisis. Hal ini adalah bertujuan untuk dianalisis dan kemudian melihat kelemahan dari segi struktur ayat, susunan soalan, serta kebolehfahaman. Kemudian borang soal selidik telah diubahsuai dengan berdasarkan kajian rintis sebelum perlaksanaan kajian yang sebenar. Menurut Mohd. Najib Abdul Ghafar (2003), dalam Rosliah Kiting (2013), borang soal selidik yang dibina pada peringkat awal biasanya terdedah kepada beberapa ketidaksempurnaan dari segi bahasa serta perlaksanannya. Hal ini biasanya akan dihadapi oleh pengkaji pada peringkat perlaksanaan kajian rintis. Pengalaman ini merupakan sesuatu yang berharga kerana pengkaji sendiri akan melihat kekurangan dan kelemahan soal selidik terdahulu sebelum memperbaikinya pada peringkat sebenar yang akan dijalankan pada masa hadapan. Pengubahsuaian soal seilidik adalah berdasarkan kelemahan dan kekurangan dalam soal selidik terdahulu seperti struktur bahasa dan item dalam soal selidik itu sendiri.

Setelah pengkaji melakukan pengubahsuaian berdasarkan nasihat dan komen berkenaan soal selidik oleh penyelia pada peringkat kajian rintis, pengkaji telah menjalankan tinjauan utama dengan mentadbir soal selidik kepada sampel yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

sebenar. Perkara yang penting dalam peringkat ini adalah strategi bagi mendapatkan jumlah maksimum borang soal selidik dalam jangka masa yang telah ditetapkan, Mohd Najib Abdul Ghafar (2003).

3.9 Keputusan Kajian Rintis

Bagi menentukan tahap kebolehpercayaan, maka soal selidik telah diproses dengan menggunakan ujian "Alpha Cronbach". Melalui ujian ini, akan memberikan suatu koefisien atau pekali kebolehpercayaan yang dapat menunjukkan item-item kajian berhubungan antara satu dengan yang lain, Mohd. Najib (1993). Jika nilai menghampiri 1, ia bermakna kebolehpercayaan adalah tinggi, baik, berkesan dan jika nilai melebihi 0.8 ia bermakna sangat baik. Manakala α =0.6 hingga 0.7 juga masih boleh diterima. Fraenkel dan Wallen (1996), meletakkan nilai realibility item yang boleh diterima pada tahap α=0.70 – 0.99. Jika pengkaji perlu meningkatkan pekali kebolehpercayaan alat ukur yang digunakan, maka pengkaji harus menggugurkan butir-butir yang boleh menyebabkan nilai pekali menjadi rendah. Melalui kajian rintis ini, kaedah yang digunakan bagi menilai ketekalan instrumen adalah prosedur *Cronbach Alpha*. Nilai *Cronbach Alpha* diperolehi melalui program *Statistic Package for the Social Science (SPSS) Version 23*. Berikut adalah keputusan kajian rintis.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Case Processing Summary

Case Processing Summary

		N	%
Cases	Valid	10	100.0
	Excluded[a]	0	.0
	Total	10	100.0

a. Listwise deletion based on all variables in the procedure.

Reliability Statistics

Cronbach's Alpha	N of Items
.747	10

Scale Statistics

Mean	Variance	Std. Deviation	N of Items
41.1000	11.433	3.38132	10

Berdasarkan paparan diatas, purata nilai Cronbach Alpha secara keseluruhan adalah α=0.747. Oleh itu dapat dirumuskan bahawa instrumen ini mempunyai nilai

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kebolehpercayaan yang baik seperti pendapat pallant (2001) bahawa nilai indeks alpha 0.7 dan ke atas adalah baik untuk skala instrumen yang mempunyai jumlah item sebanyak sepuluh atau lebih item.

Selepas pelajar menyelesaiakn borang soal selidik dengan menandakan pilihan jawapan mereka, maka pengkaji telah berbincang dengan pelajar tentang pemahaman serta komen pelajar mengenai item-item yang terkandung dalam borang soal selidik tersebut. Namun demikian, sampel kajian tidak memberikan komen terhadap pengubahsuaian soal selidik. Hal ini bermakna item-item dalam soal selidik tidak mempunyai kekeliruan dan ia mudah difahami oleh sampel kajian.

Soal selidik kajian rintis telah mencatatkan nilai Cronbach Alpha (**α**) secara keseluruhan adalah 0.747. Pekali kebolehpercayaan Cronbach Alpha bagi soal selidik boleh dilihat dalam jadual 3.2 :

Jadual 3.2

Pekali saiz Cronbach Alpha

Alpha Coefficient Range	**Kekuatan Hubungan**
<0.6	Lemah
0.6<0.7	Sederhana
0.7<0.8	Baik
0.8<0.9	Sangat Baik
0.9	Terbaik

Sumber: Cohen’s Kappa (1988).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.10 Kesimpulan

Secara ringkasnya, kajian ini dilakukan melalui soal selidik terhadap sebilangan daripada sampel yang mewakili populasi murid di sekolah menengah yang telah mengambil mata pelajaran Bahasa Kadazandusun di sebuah sekolah luar bandar di negeri Sabah. Soal selidik terbentuk daripada empat bahagian. Manakala terdapat beberapa bentuk soalan yang telah digunakan bagi mendapatkan data yang dikehendaki dalam kesemua bahagian.

Dengan berdasarkan objektif kajian, analisis daripada min, sisihan piawai dan tahap telah dilakukan bagi menjawab objektif kajian dengan lebih sistematik. Dapatan kajian terhadap populasi sebenar dalam kajian ini akan dilaporkan dalam bab yang seterusnya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 4

DAPATAN KAJIAN

4.1 Pendahuluan

Bab ini akan melaporkan dapatan kajian berkaitan dengan tajuk yang telah dipilih. Dapatan kajian ini, meliputi hasil kajian terhadap tiga Objektif kajian yang telah ditetapkan iaitu yang pertama, mengenalpasti minat murid tentang penerapaan didik hibur didalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Kadazandusun. Kedua, menganalisis tahap kesediaan murid didalam pembelajaran yang menerapkan unsur didik hibur, dan yang ketiga, menghuraikan tahap penerimaan murid tentang penerapan didik hibur didalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Kadazandusun. Secara ringkasnya objektif yang ingin di capai dalam penyelidikan ini. berkaitan dengan keberkesanan penerapan didik hibur di dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Kadazandusun di peringkat menengah rendah di sebuah sekolah luar bandar di negeri Sabah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian ini dilaksanakan menggunakan bahan pembelajaran berasaskan *tangon* (cerita rakyat) yang disusuli dengan latih tubi yang disediakan oleh pengkaji. Pengajaran dan pembelajaran dilaksanakan dengan menerapkan didik hibur iaitu ciri-ciri didik hibur seperti pembelajaran yang menarik, mewujudkan minat dan seterusnya murid-murid berasa gembira sepanjang proses pengajaran dan pembelajaran berlangsung. Setelah selesai pembelajaran, pelajar diberikan borang soal selidik untuk mendapatkan respon murid yang merangkumi minat, kesediaan serta penerimaan murid terhadap bahan pembelajaran yang dibina oleh pengkaji.

Data dianalisis menggunakan program *Statistical Package sosial Science* (SPSS Version 23). Analisis kajian ini terbahagi kepada analisis deskriptif berdasarkan bilangan sampel kajian, analisis deskriptif hasil kajian berdasarkan min, analisis inferensi berdasarkan sampel kajian, analisis inferensi berdasarkan min, serta analisis inferensi berdasarkan sisihan piawai.

4.2 Keputusan Soal Selidik

Sebanyak 30 set borang soal selidik yang mengandungi 4 bahagian iaitu bahagian A, B.C dan D telah diedarkan kepada 30 orang pelajar yang mengambil mata pelajaran Bahasa Kadazandusun. Sebanyak 30 set borang soal selidik telah diedarkan dan berjaya dikumpul semula dengan lengkap diisi oleh kesemua sampel kajian. Bilangan sampel yang diperlukan didalam kajian ini adalah mencukupi berdasarkan sampel yang dicadangkan oleh Krejcie dan Morgan (1970) dan juga jadual penentuan saiz sampel

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menurut Israel, Glenn D. (1992), iaitu sampel yang diperlukan untuk populasi N=30 bersamaan dengan nilai sampel 28 orang dan ia mencukupi untuk tujuan kajian ini.

4.3 Data Demografi Sampel

Kajian ini melibatkan seramai 30 orang murid di salah sebuah sekolah menengah di daerah Ranau, Sabah. Jadual 4.1 menunjukkan taburan sampel kajian mengikut jantina.


Jadual 4.1

Taburan Sampel Kajian Mengikut Jantina.

Jantina	Kekerapan (Sampel)	Peratus (%)
Lelaki	2	6.7
Perempuan	28	93.3
Jumlah	30	100%

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 4.1.Taburan Jantina Responden Kajian Mengikut Peratus (%).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.1 dan Rajah 4.1 menunjukkan pecahan sampel kajian mengikut jantina. Sampel kajian terdiri daripada 2 orang atau 6.7 % murid lelaki dan 28 orang atau 93.3% murid perempuan. Bilangan ini menunjukkan bahawa sampel kajian yang terdiri daripada murid perempuan lebih ramai jika dibandingkan dengan murid lelaki. Hal ini demikian kerana kajian ini tertumpu kepada pelajar yang mengambil mata pelajaran Bahasa Kadazandusun sahaja. Kelas yang dicadangkan oleh pihak sekolah mengandungi 30 orang pelajar yang terdiri daripada 2 orang murid lelaki dan 28 orang murid perempuan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.4 Analisis Data

Dalam kajian ini, analisis statistik deskriptif telah digunakan untuk mendapatkan min, sisihan piawai dan tahap. Pengkelasan min untuk tafsiran pemboleh ubah adalah seperti dalam jadual 4.2 di bawah :

Jadual 4.2

Pengkelasan Min

Skala Kelas (Min)	Tahap
1.0-1.80	Sangat Rendah
1.81-2.60	Rendah
2.61-3.40	Sederhana
3.41-4.20	Tinggi
4.21-5.00	Sangat Tinggi

Sumber: Joriah Md. Saad (2009)

Berdasarkan jadual 4.2, pengkelasan min mengandungi 5 tahap. Tahap min 1.0 – 1.80 menunjukkan min sangat rendah dan min 1.81 – 2.60 berada pada tahap rendah.Min 2.61 – 3.40 adalah tahap sederhana seterusnya min 3.41 – 4.20 adalah tahap tinggi. Manakala min 4.21 – 5.00 merupakan tahap yang tinggi, (Joriah Md. Saad, 2009).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.4.1 Analisis data objektif kajian I : Mengenalpasti minat murid terhadap penerapan didik hibur didalam proses pengajaran dan pembelajaran Bahasa Kadazandusun.

Berdasarkan analisis data berkaitan dengan minat murid untuk melibatkan diri dalam proses pengajaran dan pembelajaran yang menerapkan didik hibur didapati skor min keseluruhannya adalah pada tahap tinggi iaitu min 4.12 seperti yang ditunjukkan dalam jadual 4.3 berikut

Jadual 4.3

Mengenalpasti minat murid terhadap penerapan didik hibur dalam proses pengajaran dan pembelajaran Bahasa Kadazandusun.

Bil.	Item	Min	Sisihan Piawai	Tahap
1	Saya minat mempelajari Bahasa Kadazandusun.	4.23	.727	Sangat Tinggi
2	Saya minat membaca dan mengulangkaji pelajaran dengan menggunakan buku teks Bahasa Kadazandusun.	3.80	.805	Tinggi
3	Saya minat mempelajari Bahasa Kadazandusun kerana mudah difahami dan dipelajari.	3.86	.628	Tinggi
4	Saya minat menjawab soalan-soalan yang diberikan oleh guru.	3.83	.647	Tinggi
5	Pendekatan didik hibur yang digunakan oleh guru menarik minat saya untuk meningkatkan kemahiran membaca	3.53	.681	Tinggi
6	Saya lebih minat belajar melalui pendekatan didik hibur dalam Bahasa Kadazandusun.	4.83	.461	Sangat Tinggi
7	Saya sentiasa memberikan tumpuan ketika mempelajari Bahasa Kadazandusun.	4.03	.850	Tinggi

(bersambung)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Jadual 4.3 *(sambungan)*

Bil	Item	Min	Sisihan Piawai	Tahap
8	Saya minat mempelajari Bahasa Kadazandusun kerana ia memberikan banyak nilai murni kepada saya.	4.33	.606	Sangat Tinggi
9	Saya minat belajar Bahasa Kadazandusun kerana pengajaran guru sangat menggalakkan dan merangsang saya untuk berfikir.	4.33	.546	Sangat Tinggi
10	Saya minat belajar Bahasa Kadazandusun kerana guru sentiasa membuat penerangan yang jelas tentang topik yang dipelajari.	4.46	.571	Sangat Tinggi
	Purata	**4.12**	**.217**	**Tinggi**

Jadual 4.3 menunjukkan analisis statistik deskriptif terhadap item-item dari soalan nombor 1 sehingga nombor 10 bagi melihat minat murid terhadap penerapan didik hibur didalam proses pengajaran dan pembelajaran Bahasa Kadazandusun. Merujuk kepada Jadual 4.3, Nilai min yang paling tinggi dapat dilihat pada item nombor 6, iaitu nilai min 4.83 dengan item “Saya lebih minat belajar melalui pendekatan didik hibur dalam bahasa Kadazandusun”. Manakala nilai min yang terendah adalah dalam item 5 iaitu nilai min 3.53. Namun demikian ia masih berada pada tahap tinggi menurut jadual pengkelasan min oleh Joriah Md. Saad (2009). Secara keseluruhannya, dapat disimpulkan bahawa penerapan didik hibur dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Kadazandusun mampu menarik minat murid untuk melibatkan diri dalam proses pembelajaran sepenuhnya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi




Rajah 4.2. Carta Bar bagi item nombor 6

Carta bar dalam rajah 4.2 menunjukkan item nombor 6 iaitu “Saya lebih minat belajar melalui pendekatan didik hibur dalam bahasa Kadazandusun” merupakan item yang mendapat nilai min paling tinggi, iaitu 4.83. Oleh yang demikian, nilai min bagi item 6 ini adalah berada di tahap yang sangat tinggi. Ia dapat dilihat dengan merujuk jadual pengkelasan min dan skala tafsir dalam Jadual 4.3.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 4.3. Carta Bar bagi item nombor 5

Carta bar dalam rajah 4.3 pula menunjukkan item 5 “Pendekatan didik hibur yang digunakan oleh guru menarik minat saya untuk meningkatkan kemahiran membaca”. Item 5 ini merupakan item yang mendapat nilai min yang paling rendah iaitu min 3.53, namun ia masih berada pada tahap yang tinggi. Ia dapat dilihat dengan merujuk jadual pengkelasan tahap analisis min dan skala tafsir dalam Jadual 4.3.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.4.2 Analisis Data Objektif Kajian II: Menganalisis tahap kesediaan murid didalam pembelajaran yang menerapkan unsur didik hibur.

Jadual dibawah menunjukkan analisis data berkaitan dengan tahap kesediaan murid didalam pembelajaran yang menerapkan unsur didik hibur didapati skor min keseluruhannya berada pada tahap tinggi iaitu min 4.07 seperti yang ditunjukkan dalam jadual 4.4 berikut

Jadual 4.4

Analisis tahap kesediaan murid didalam pembelajaran yang menerapkan unsur didik hibur.

Bil	Item	Min	Sisihan Piawai	Tahap
1	Saya sentiasa mengambil bahagian dalam menjalankan aktiviti menggunakan pendekatan didik hibur didalam bilik darjah.	3.80	.714	Tinggi
2	Saya sentiasa mengambil bahagian yang aktif semasa sesi soal jawab dengan menggunakan pendekatan didik hibur di dalam bilik darjah	3.50	.682	Tinggi
3	Saya sentiasa mengambil bahagian dalam interaksi kerja berkumpulan menggunakan pendekatan didik hibur didalam bilik darjah.	4.00	.909	Tinggi
4	Saya sentiasa membaca bahan daripada Bahasa Kadazan Dusun yang berkaitan setelah selesai menggunakan pendekatan didik hibur didalam bilik darjah	3.56	.817	Tinggi
5	Aktiviti menggunakan pendekatan didik hibur yang dijalankan membantu saya dalam kemahiran membaca.	4.33	.711	Sangat Tinggi
6	Saya sentiasa menyiapkan kerja rumah yang diberikan oleh guru dengan kadar segera.	4.46	.776	Sangat Tinggi
7	Kemahiran membaca dengan menggunakan pendekatan didik hibur lebih menyenangkan saya.	4.36	.718	Sangat Tinggi
8	Kemahiran membaca dengan menggunakan pendekatan didik hibur menarik minat saya untuk belajar.	4.30	.702	Sangat Tinggi

(bersambung)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.4 *(sambungan)*


Bil	Item	Min	Sisihan Piawai	Tahap
9	Kemahiran membaca menggunakan pendekatan didik hibur membantu meningkatkan kefahaman saya.	4.16	.698	Tinggi
10	Saya berpendapat bahawa Bahasa Kadazandusun adalah penting dan wajib dipelajari	4.20	.714	Tinggi
	Purata	**4.07**	**.744**	**Tinggi**

Jadual 4.4 menunjukkan analisis statistik deskriptif terhadap item dari soalan nombor 1 sehingga nombor 10 bagi melihat skor min kesediaan murid di dalam pembelajaran yang menerapkan didik hibur. Dengan merujuk kepada Jadual 4.4, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa nilai min secara puratanya berada di tahap yang tinggi iaitu n=4.07 dengan sp=.744. Melalui hasil dapatan ini menunjukkan kesediaan murid dalam pembelajaran yang menerapkan didik hibur berada pada tahap yang tinggi. Dapatan ini juga telah memperlihatkan nilai min yang tertinggi iaitu terletak pada item nombor 6, iaitu “Saya sentiasa menyiapkan kerja rumah yang diberikan oleh guru dengan kadar segera” yang mencatat nilai min 4.46.

Hasil dapatan kajian ini juga menunjukkan nilai min yang paling rendah iaitu item 2 “Saya sentiasa mengambil bahagian yang aktif semasa sesi soal jawab menggunakan pendekatan didik hibur dalam bilik darjah”. Item ini mencatat nilai min 3.50, yang masih berada pada tahap tinggi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi




Rajah 4.4. Carta bar bagi item nombor 6

Gambar rajah 4.4 menunjukkan carta bar bagi item 6 “Saya sentiasa menyiapkan kerja rumah yang diberikan oleh guru dengan kadar segera” yang mendapat nilai min paling tinggi, iaitu 4.46. Ia dapat dirujuk melalui jadual pengkelasan tahap analisis min dan skala tafsir dalam Jadual 4.4.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 4.5. Carta bar bagi Item nombor 2

Seterusnya carta bar dalam rajah 4.5 menunjukkan carta bagi item "Saya sentiasa mengambil bahagian yang aktif semasa sesi soal jawab menggunakan pendekatan didik hibur dalam bilik darjah" yang merupakan item yang mendapat nilai min terendah iaitu sebanyak 3.50. Namun demikian, nilai min bagi item 2 ini masih dalam kategori skala kelas min tahap tinggi jika dilihat mengikut jadual pengkelasan tahap analisis min dan skala tafsir. Ia dapat dirujuk melalui pengkelasan min dalam jadual 4.2 dan analisis min dan skala tafsir dalam Jadual 4.4.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.4.3 Analisis data objektif kajian III : Menghuraikan tahap penerimaan murid tentang penerapan didik hibur didalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Kadazandusun.

Taburan data pada sisihan piawai dalam Jadual 4.5 menunjukkan bahawa majoriti sampel kajian mempunyai sikap yang positif berkaitan dengan aspek penerimaan murid terhadap penerapan didik hibur dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Kadazandusun. Analisis dapatan kajian menunjukkan kesemua item berada pada tahap tinggi iaitu skor min melebihi 4.00. Begitu juga dengan purata min dan sisihan piawai yang berada pada tahap sangat tinggi. Taburan analisis data dapat dilihat dalam Jadual 4.5 seperti berikut

Jadual 4.5

Analisis tahap penerimaan murid tentang penerapan didik hibur didalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Kadazandusun.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bil	Item	Min	Sisihan Piawai	Tahap
1	Saya berasa seronok mempelajari BKD dengan menggunakan pendekatan didik hibur.	4.36	.614	Tahap Tinggi
2	Saya lebih mudah belajar dan menguasai BKD dengan menggunakan pendekatan didik hibur.	4.46	.571	Tahap Tinggi
3	Saya suka membaca buku BKD selepas menggunakan pendekatan didik hibur.	3.76	.971	Tinggi
4	Pendekatan didik hibur amat berguna dalam meningkatkan kemahiran membaca saya	4.40	.563	Tahap Tinggi
5	Pendekatan didik hibur menjadikan saya lebih mudah untuk membaca mengikut intonasi yang betul.	4.50	.572	Tahap Tinggi

(bersambung)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadul 4.5 *(sambungan)*

Bil	Item	Min	Sisihan Piawai	Tahap
6	Saya lebih mudah memahami dan menguasai kemahiran membaca dengan menggunakan pendekatan didik hibur.	4.26	.639	Tahap Tinggi
7	Pendekatan didik hibur meningkatkan kefahaman bacaan saya.	4.37	.561	Tahap Tinggi
8	Pendekatan didik hibur membantu saya memahami sesuatu tajuk yang diajar oleh guru.	4.13	.730	Tinggi
9	Pendekatan didik hibur yang digunakan oleh guru amat menyeronokkan, mudah dan menarik.	4.40	.621	Tahap Tinggi
10	Pengajaran guru yang menggunakan pendekatan didik hibur amat berkesan untuk membantu saya menguasai kemahiran membaca.	4.36	.668	Tahap Tinggi
	PURATA	**4.30**	**.651**	**Sangat Tinggi**

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Jadual 4.5 merupakan hasil analisis deskriptif terhadap item nombor 1 sehingga nombor 10 untuk melihat skor min penerimaan murid tentang penerapan didik hibur di dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Kadazandusun. Dengan merujuk kepada Jadual 4.5, dapatan kajian ini telah menunjukkan bahawa nilai min secara puratanya berada di tahap yang sangat tinggi iaitu min 4.30 dan sp=.651. Melalui hasil dapatan analisis ini, ia menunjukkan bahawa penerimaan murid tentang penerapan didik hibur di dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Kadazandusun adalah positif dan berada pada tahap yang sangat tinggi.

Dalam hasil analisis ini juga mendapati bahawa nilai min yang tertinggi adalah terletak pada item 2 iaitu “Saya lebih mudah belajar dan menguasai Bahasa

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kadazandusun dengan menggunakan pendekatan didik hibur" yang mencatat nilai min sebanyak 4.46. Seterusnya hasil analisis deskriptif ini juga menunjukkan hasil nilai min yang paling rendah pada item 3 iaitu "Saya suka membaca buku Bahasa Kadazandusun selepas menggunakan pendekatan didik hibur" yang mencatat nilai min 3.76. Nilai min pada item 3 ini masih berada pada tahap tinggi.




Rajah 4.6. Carta Bar bagi Item nombor 2.

Carta bar pada Rajah 4.6 menunjukan carta bagi item 2 iaitu "Saya lebih mudah belajar dan menguasai BKD dengan menggunakan pendekatan didik hibur" yang merupakan item yang mendapat nilai min yang tertinggi iaitu 4.46. Hasil dapatan ini menunjukkan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

item 2 berada pada tahap yang sangat tinggi. Ia dapat dirujuk melalui jadual pengkelasan tahap analisis min dan skala tafsir dalam Jadual 4.5.



Rajah 4.7. Carta bar bagi Item nombor 3

Sementara itu, Carta bar bagi Rajah 4.7 pula merupakan item 3 “Saya suka membaca buku Bahasa Kadazandusun selepas menggunakan pendekatan didik hibur”. Item 3 ini adalah item yang telah mendapat nilai min yang paling rendah jika dibandingkan dengan item-item yang lain. Namun demikian, item ini yang mendapat nilai min 3.76 masih berada dalam kategori skala pengkelasan min. pada tahap tinggi. Ia dapat dilihat dan dirujuk dalam jadual pengkelasan tahap analisis min dalam jadual 4.2 dan skala tafsir dalam Jadual 4.5

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.5 Kesimpulan

Kesimpulannya, berdasarkan huraian dapatan kajian dalam bab ini,maka dapat dilihat bahawa penerapan didik hibur dalam pengajaran bahasa Kadazandusun amat berkesan untuk di aplikasikan di dalam bilik darjah. Dapatan kajian melalui hasil deskriptif, sampel dianalisis berdasarkan tiga objektif kajian iaitu tentang minat, tahap kesediaan dan tahap penerimaan sampel terhadap penerapan didik hibur dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Kadazandusun. Melalui penggunaan teori behaviorisme dalam kajian ini ia bertujuan untuk mengubah tingkah laku pelajar yang pelbagai karenah dan menjadikan mereka tertarik dengan sesi pengajaran yang dijalankan berdasarkan pelaksanaan secara bermotivasi oleh guru.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 5

PERBINCANGAN, IMPLIKASI, CADANGAN DAN RUMUSAN

5.1 Pendahuluan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bab ini akan merumuskan tentang keseluruhan hasil dapatan kajian yang telah diperolehi. Huraian serta ulasan tentang dapatan kajian akan dihubungkaitkan dengan maklumat dan sorotan literatur yang telah dihuraikan dalam bab-bab yang terdahulu. Dalam bab ini akan terdapat empat bahagian yang dipecahkan kepada perbincangan, Implikasi, Cadangan dan Rumusan. Dalam perbincangan dapatan kajian akan membincangkan tentang hasil analisis yang dilakukan berdasarkan soalan serta objektif kajian. Manakala implikasi kajian akan merangkumi implikasi kajian terhadap guru, murid, pentadbir sekolah, Kementerian Pendidikan Malaysia, serta Institut pendidikan (IPG, IPTA dan IPTS). Seterusnya, bagi cadangan kajian lanjutan diharapkan agar hasil penulisan kajian ini akan menjadi panduan serta rujukan kepada penyelidik yang ingin

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menjalankan kajian pada masa hadapan. Dalam bahagian terakhir pula akan membincangkan tentang rumusan secara keseluruhan berkenaan dengan kajian ini.

5.2 Perbincangan Dapatan Kajian

Perbincangan dapatan hasil kajian adalah berdasarkan kepada tiga soalan objektif yang utama, iaitu:

a. Mengenalpasti minat murid tentang penerapan didik hibur didalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Kadazandusun.
b. Menganalisis tahap kesediaan murid didalam pembelajaran yang menerapkan unsur didik hibur.
c. Menghuraikan tahap penerimaan murid tentang penerapan didik hibur didalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Kadazandusun.

5.2.1 Mengenalpasti minat murid terhadap penerapan didik hibur didalam proses pengajaran dan pembelajaran Bahasa Kadazandusun.

Keputusan dalam Jadual 4.3 menunjukkan nilai min keseluruhan bagi minat murid dalam melibatkan diri di dalam proses pengajaran dan pembelajaran yang menerapkan didik hibur iaitu min 4.12. Hal ini menunjukkan bahawa purata bagi nilai min tersebut berada pada tahap tinggi. Secara keseluruhannya, dapatan kajian dalam aspek minat

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

murid terhadap penerapan didik hibur didalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Kadazandusun adalah bersifat positif.

Merujuk kepada Jadual 4.3, Nilai min yang paling tinggi dapat dilihat pada item nombor 6, iaitu nilai min 4.83 dengan item "Saya lebih minat belajar melalui pendekatan didik hibur dalam Bahasa Kadazandusun". Item ini mendapat tahap sangat tinggi iaitu 4.83 dengan sisihan piawai .461. Penerapan didik hibur perlu diperkenalkan lagi secara meluas kedalam pengajaran Bahasa Kadazandusun di semua peringkat sekolah. Usaha ini sebenarnya salah satu kaedah alternatif yang amat sesuai digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Kadazandusun. Ia adalah bertujuan utuk menjadikan sesi pengajaran dan pembelajaran bahasa Kadazandusun menjadi lebih seronok untuk diikuti oleh murid-murid. Tay Meng Guat (2015), berpendapat bahawa penerapan unsur-unsur pembelajaran yang menyeronokkan adalah satu tindakan mengurangkan gejala yang kurang menyenangkan disekolah seperti ponteng sekolah, sikap suka melawan guru serta meningkatkan minat murid untuk hadir ke sekolah.

Item nombor 1 iaitu, "Saya minat mempelajari Bahasa Kadazandusun" mendapat nilai min 4.23 dimana nilai min ini berada pada tahap sangat tinggi. Melalui hasil dapatan kajian ini, didapati bahawa murid minat untuk mempelajari mata pelajaran bahasa Kadazandusun. Menurut Mohamad Zaaba dan Zuraida Haji Ismail, (2004), dalam Mohd Isha Awang dan Ahmad Kamalariffin Mohd Noor, (2013), motivasi mempunyai hubungan dengan keinginan untuk mencapai kecemerlangan dalam setiap perkara yang dilakukan. Begitu juga dalam mempelajari bahasa Kadazandusun, dimana motivasi adalah amat penting ada dalam diri setiap murid agar mereka memberikan tumpuan dalam mata pelajaran ini. Ibubapa berperanan untuk

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

memberikan dorongan serta menanamkan semangat dan motivasi dalam kalangan anak-anak agar mempelajari bahasa ibunda bermula dari rumah lagi. Ibubapa seharusnya mendedahkan mereka terhadap bahasa ibunda iaitu Kadazandusun melalui pertuturan sehari-hari di rumah. Melalui pertuturan harian dengan menggunakan bahasa ibunda, tidak mustahil anak-anak mereka akan menguasai bahasa ini sebelum memasuki pembelajaran Bahasa Kadazandusun di sekolah yang bersifat lebih formal. Apabila berada di dalam kelas, guru-guru bagi mata pelajaran ini akan mengajar bahasa Kadazandusun dengan lebih formal dan mengikut standard bahasa yang lebih piawai untuk tujuan pembelajaran. Menurut Evelyn Annol (2015), guru-guru serta murid yang mengambil mata pelajaran bahasa Kadazandusun juga harus melengkapkan diri dengan pengetahuan sistem ejaan bahasa Kadazandusun yang tepat dan piawai bagi membolehkan penghasilan sistem penulisan bahasa Kadazandusun yang lebih piawai. Menurutnya juga, melalui penulisan dalam bentuk yang lebih piawai maka ia membolehkan pembacaan yang tepat dan diterima pakai oleh semua yang mengambil bahasa Kadazandusun di peringkat sekolah mahupun diperingkat IPTA dan IPTS.

Seterusnya item nombor 2, “Saya minat membaca dan mengulangkaji pelajaran dengan menggunakan buku teks Bahasa Kadazandusun” mendapat nilai min 3.80. Nilai min ini menunjukkan tahap tinggi dimana murid-murid didapati minat membaca serta mengulangkaji pelajaran dengan menggunakan buku teks dan ia adalah bersifat positif melalui hasil dapatan nilai min. Hal ini dapat dilihat sebagai sesuatu yang positif setelah mengaplikasian pengajaran didik hibur di dalam bilik darjah kerana ia amat di sukai oleh pelajar. Memandangkan membaca adalah sesuatu yang amat penting dan harus diamalkan, maka ia seharusnya dipupuk sejak dari peringkat umur yang lebih muda lagi dalam semua peringkat generasi. Terdapat pelbagai kaedah yang boleh diketengahkan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

bagi menarik minat membaca dalam kalangan masyarakat. Menurut Mohd. Zubil (1997), untuk mewujudkan budaya membaca dalam kalangan masyarakat, mereka seharusnya mempunyai keinginan dan perasaan suka kepada ilmu pengetahuan dalam menjalani kehidupan sehari-hari. Hal ini adalah kerana, ilmu pengetahuan yang berfungsi sebagai pelengkap kepada kehidupan seharian diabaikan begitu sahaja. Beliau juga menyatakan bahawa pada zaman yang serba canggih ini, berlaku ledakan maklumat yang tiada sempadan dan beliau menegaskan agar pemilihan bahan bacaan yang sesuai dengan keperluan perkembangan ikhtisas diri sangat penting. Oleh yang demikian, tugas guru disini adalah memilih dan menggunakan kaedah yang sesuai sebagai bahan bantu mengajar dalam mata pelajaran Bahasa Kadazandusun agar ia dapat menarik minat murid untuk mempelajarinya. Selain daripada itu, guru perlu mewujudkan suasana riang dan merangsang pembelajaran bagi mewujudkan pengajaran dan pembelajaran yang lebih berkesan, Standard Jemaah Nazir (2004) dalam Tay Meng Guat, (2015).

Item yang ke 4 iaitu “Saya minat menjawab soalan-soalan yang diberikan oleh guru” mendapat nilai min 3.83. Berdasarkan pengkelasan nilai min dalam jadual 4.2 pada bab 4, menunjukkan nilai min ini berada pada tahap tinggi. Pembelajaran yang menyeronokkan memerlukan seorang guru yang mampu menggunakan kaedah dan bahan mengajar yang dapat menarik minat pelajar. Aktiviti bersoal jawab dengan pelajar merupakan salah satu cara untuk melibatkan pelajar dalam aktiviti pembelajaran sepenuhnya. Hal ini dapat dilihat dalam Ramlah Jantan (2002) di mana sistem pendidikan pada masa kini tidak lagi sesuai bergantung sepenuhnya terhadap guru, papan hitam dan buku teks semata-mata. Kaedah pengajaran yang berbentuk sehala dan tidak berpusatkan murid menghalang murid untuk mengembangkan prestasi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pembelajaran mereka dengan cara, teknik dan gaya pembelajaran mereka. Melalui soal jawab dan latih tubi didalam kelas murid dapat mengaplikasikan apa-apa yang dipelajari oleh mereka. Dengan penerapan didik hibur didalam proses pengajaran dan pembelajaran, akan membangkitkan lagi kreativiti guru dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran. Oleh hal yang demikian, pengkaji berpendapat bahawa selepas pengajaran berlangsung, adalah amat baik untuk melakukan soal jawab ataupun memberikan latih tubi kepada murid untuk mengetahui sejauh mana tahap kefahaman mereka terhadap pengajaran yan telah dilaksanakan selain daripada menguji kemampuan mereka untuk mencerap ilmu melalui pengajaran yang berunsurkan didik hibur. Dalam item ini, pengkaji mendapati murid-murid berasa seronok dan minat untuk menjawab soalan-soalan yang telah diberikan oleh guru.

Item seterusnys adalah item 5 iaitu, “Pendekatan didik hibur yang digunakan oleh guru menarik minat saya untuk meningkatkan kemahiran membaca” menunjukkan hasil analisis min iatu min 3.53 berada pada tahap tinggi. Seseorang yang mengamalkan tabiat suka membaca biasanya dapat meluaskan lagi pengalaman, pengetahuan, serta pemikirannya. Yahya Awang (1999) dalam Nor Hasimah bt. Ismail dan Siti Hajah Khariah Mohd. Zubir (2013) ada menyatakan bahawa minat membaca adalah berhubung rapat dengan pendidikan dan peluang membaca, dimana hasil kajian ini mendapati bahawa tahap pembacaan di luar bandar lebih rendah disebabkan peluang serta kemudahan yang terlalu kurang jika dibandingkan dengan kemudahan membaca yang terdapat di kawasan bandar. Jurang ini tidak sepatutnya dijadikan alasan untuk tidak membaca ataupun kurang membaca, kerana amalan dan tabiat membaca untuk meningkatkan kemahiran membaca boleh disemai, dipupuk dan perlu diteruskan tanpa mengira waktu agar tabiat ini menjadi kebiasaan dalam rutin harian. Bahan bacaan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

boleh didapati dalam pelbagai bentuk seperti surat khabar, buku teks, buku cerita, cerpen, komik dan banyak lagi. Manakala di dalam bilik darjah pula, membaca buku cerita dengan cara yang menarik akan menjadikan murid-murid sebagai pendengar yang seakan-akan berada dalam cerita tersebut. Seorang guru haruslah menggunakan nada, intonasi, gerak geri dan ekspresi wajah sebagaimana plot cerita yang disampaikan. Ini akan menarik minat seterusnya menggalakkan lagi murid-murid untuk turut mengamalkan tabiat membaca.

Antara langkah untuk meningkatkan kemahiran membaca dalam kalangan murid ialah seorang guru harus bermula dari bawah dahulu dengan memilih buku cerita yang bersesuaian dengan tahap murid tersebut. Pemilihan bahan bacaan iaitu buku cerita dengan tepat dan bersesuaian akan mempengaruhi peningkatan kemahiran membaca dalam kalangan murid tersebut. Perbincangan tentang item 5 ini adalah selari dengan kajian lepas oleh Baharin Abu (2007), dimana beliau menyatakan bahawa kepelbagaian gaya pembelajaran serta kemahiran belajar murid akan membawa kepada perbezaan skor min bagi aspek kemahiran membaca jika dibandingkan dengan murid yang berada di dalam tahap sederhana. Hal ini dipengaruhi oleh teknik kemahiran membaca yang betul seperti mengkaji rangka topik dan kurang membuat rumusan tentang isi dalam sesebuah teks dengan menggunakan ayat sendiri. Hal ini juga ada dinyatakan dalam kajian Awatif Abdul Rahman (2015), yang menyatakan bahawa penggunaan teknik ini adalah bertujuan untuk menjana pemikiran yang aktif ketika membaca selain ianya amat berkesan dalam pembelajaran bahasa. Oleh hal yang demikian, pengkaji berpendapat bahawa dalam hal ini, guru perlu memikirkan solusi berkenaan dengan strategi serta teknik yang sesuai dengan kemampuan murid untuk

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menguasai bahan bacaan bagi meningkatkan kemahiran membaca dalam kalangan murid-murid.

Mazlan Ismail (2016), Elemen-elemen yang terkandung dalam seni bahasa juga merujuk kepada keupayaan murid untuk mengungkap dan mengapresiasi seni melalui keindahan bahasa, memahami, menghayati serta menghargai bahasa melalui pembelajaran yang menyeronokkan. Selain daripada itu, hiasan grafik yang terdapat dalam bahan bacaan yang telah disediakan oleh pengkaji juga memberikan rangsangan kepada murid-murid untuk membaca. Watak-watak di dalam cerita "Tagung di Aki" yang telah dipamerkan sebagai hiasan grafik dalam bentuk gambar-gambar watak yang terdapat di dalam cerita tersebut juga memainkan peranan untuk menarik minat murid untuk membaca. Menurut Rosliah Kiting (2011), aktiviti mengrafikkan watak dan perwatakan dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Kadazandusun menggunakan bahan Bacaan iaitu buku cerita difikirkan sebagai suatu aktiviti yang boleh merealisasikan organisasi kurikulum pendidikan.

"Saya sentiasa memberikan tumpuan ketika mempelajari Bahasa Kadazandusun" merupakan item 7 yang telah mendapat nilai min 4.03, dimana nilai min ini menunjukkan tahap tinggi dalam hierarki pengkelasan min oleh Joriah Md. Saad (2009). Menurut pemerhatian pengkaji juga mendapati bahawa murid-murid yang terlibat sebagai sampel dalam kajian ini memberikan perhatian sepenuhnya sepanjang pengajaran berlangsung. Dan hasil analisis min bagi item ini telah menunjukkan respon sampel adalah postitif dan seterusnya menunjukkan bahawa item ini adalah relevan. Penumpuan oleh murid-murid didalam kelas adalah disebabkan oleh persediaan guru untuk memenuhi matlamat pengajaran, teknik dan kaedah pengajaran dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pembelajaran, selain daripada memberikan perhatian terhadap jenis bahan bantu mengajar yang digunakan. Hal ini demikian kerana jika guru gagal dari segi persediaan pengajaran yang sesuai, maka ia akan meninggalkan perasaan kecewa dan hampa dalam kalangan murid. Oleh itu, guru perlu bersedia untuk membawa murid yang diajar sama-sama mendapat kepuasan serta keseronokan semasa mengikuti proses pengajaran dan pembelajaran didalam bilik darjah.

Bagi item nombor 8 iaitu “Saya minat mempelajari Bahasa Kadazandusun kerana ia memberikan banyak nilai murni kepada saya” mendapat tahap sangat tinggi dengan nilai min 4.33 dan sp=.606. Menurut sampel, mereka telah mempelajari banyak nilai-nilai murni sepanjang sesi pembelajaran Bahasa Kadazandusun pada hari tersebut. Penggunaan cerita rakyat dengan watak binatang mampu menjadi bahan untuk menerapkan nasihat kepada murid agar menjauhi tingkah laku yang buruk dan menjadikan watak dalam cerita tersebut sebagai tauladan. Tradisi ini sungguh berkesan sehingga wujudnya karya-karya sastera yang memuatkan unsur-unsur pengajaran dan didikan moral terutamanya kepada kanak-kanak. Contohnya dalam cerita rakyat yang telah digunakan oleh pengkaji di dalam pengajarannya yang bertajuk *“Tagung di Aki”*, terdapat beberapa nilai murni yang terkandung dalam cerita tersebut seperti sikap suka tolong-menolong, saling hormat menghormati, setia kawan, kebijaksanaan dan banyak lagi. Menurut Mahzan Bin Bakar (2005) dalam Rosliah Kiting (2011), bagi menjalankan aktiviti pengajaran dan pembelajaran, guru diharap agar mampu memberikan penekanan terhadap unsur-unsur bernilai tambah yang sesuai didalam aspek pedagogi dengan menitikberatkan nilai-nilai murni, semangat patriotik serta kewarganegaraan yang tetap diutamakan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut Siti Norini (2008) dalam Mazlan Ismail (2016), bagi menimbulkan keseronokan dalam pembelajaran, guru seharusnya mempunyai pengetahuan sedia ada yang mampu menangani permasalahan murid, dapat menyelami masalah pembelajaran murid, bersifat humor, prihatin kreatif dan sanggup berkongsi pendapat dengan murid. Perkara inilah yang akan menjadi nadi dalam pembelajaran yang menyeronokkan. Melalui item 9 iaitu "Saya minat belajar Bahasa Kadazandusun kerana pengajaran guru sangat menggalakkan dan merangsang saya untuk berfikir", telah mendapat nilai min 4.33 yang berada pada tahap sangat tinggi menurut pengkelasan min dalam jadual 4.2. Bagi memastikan pengajaran dan pembelajaran yang menerapkan didik hibur dapat dijalanakan dengan berkesan didalam bilik darjah, pengkaji telah membuat persediaan pada setiap peringkat sehingga selesai waktu pengajaran dan pembelajaran yang telah ditetapkan. Sepanjang tempoh pengajaran dijalankan, tiada lompang atau ruang waktu yang dibazirkan malah dipadatkan lagi dengan aktiviti soal jawab bagi memenuhi ruang masa pengajaran yang sangat terhad. Oleh yang demikian, murid-murid tidak berasa bosan dan sentiasa diberikan rangsangan melalui soal jawab yang diutarakan.

5.2.2 Menganalisis tahap kesediaan murid didalam pembelajaran yang menerapkan unsur didik hibur.

Merujuk kepada Jadual 4.4 dalam bab 4, hasil dapatan telah menunjukkan bahawa nilai purata skor min bagi tahap kesediaan murid di dalam pembelajaran yang menerapkan unsur didik hibur adalah min 4.07, ini bermakna melalui dapatan nilai purata min yang ada, maka dapat disimpulkan bahawa pembelajaran yang menerapkan didik hibur yang diaplikasikan oleh guru dalam bilik darjah berada di tahap yang positif. Nilai purata

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

min=4.07 adalah positif dan berada pada tahap tinggi jika dilihat dalam jadual pengkelasan nilai min pada jadual 4.2 dalam bab 4. Hasil dapatan ini menunjukkan bahawa murid-murid sentiasa bersedia menerima perubahan dari segi teknik pengajaran dengan menggunakan penerapan didik hibur di dalam bilik darjah. Hal ini adalah berkaitrapat dengan teknik pengajaran yang dirancang terlebih dahulu sebelum diaplikasikan di dalam bilik darjah. Menurut Kallison (1986), dalam Shamsudin Othman dan Abdul Rasid Jamian (2011), kegagalan dalam merancang dan menentukan teknik pengajaran menyebabkan isi pelajaran gagal disampaikan dengan berkesan.

Hasil dapatan kajian ini, ia adalah selaras dengan keperluan pelaksanan sistem pendidikan pada masa kini, di mana ia menitikberatkan strategi yang lebih berkesan agar pendidikan pada masa kini dapat melahirkan modal insan yang lebih cemerlang dalam akademik khususnya. Bagi mencapai objektif pengajaran secara berkesan, guru seharusnya mempunyai satu kaedah yang lebih sistematik, teratur, serta mempunyai objektif yang lebih spesifik. Rohani Arbaa, Hazri Jamil dan Nordin Abd. Razak (2010), menyatakan bahawa kaedah pengajaran juga membawa maksud cara untuk mendekati sesuatu objektif dengan langkah-langkah yang lebih tersusun dan teratur.

Dalam masa yang sama, dapatan kajian ini juga adalah selaras dengan hasil kajian yang dilakukan oleh Mohd. Razak Mohd. Nordin dan Masitah Ahmad (2015). Dalam kajian tersebut, murid-murid orang Asli amat seronok dan berminat untuk mengikuti kelas mata pelajaran Bahasa Melayu, yang diajar oleh guru dengan menggunakan pendekatan didik hibur. Begitu juga dengan kajian ini, di mana murid-murid yang mengambil mata pelajaran Bahasa Kadazandusun dapat mengikuti sesi pengajaran dan pembelajaran yang berlangsung selama dua jam dengan tekun dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

bersungguh-sungguh. Semua arahan dan permintaan guru dipatuhi dengan baik selain menyiapkan kerja latih tubi dalam tempoh yang telah diberikan.

Merujuk kepada Jadual 4.4, nilai min yang paling tinggi dapat dilihat pada item nombor 6 iaitu nilai min 4.46 dan sp=.776 dengan item “Saya sentiasa menyiapkan kerja rumah yang diberikan oleh guru dengan kadar segera”. Nilai purata min pada item ini menunjukkan ia berada pada tahap sangat tinggi menurut pengkelasan min. Hal ini dapat memperlihatkan kesedaran dalam kalangan murid tentang pentingnya subjek Bahasa Kadazandusun dipelajari di sekolah. Kajian ini adalah bertentangan dengan kajian yang dijalankan oleh Rosneh Wasli, (2013) iaitu berkaitan tentang minat pelajar terhadap mata pelajaran Kadazandusun dalam kalangan pelajar Daerah Tambunan di Sabah mendapati bahawa semenjak mata pelajaran bahasa Kadazandusun diperkenalkan pada tahun 2006, penerimana oleh murid-murid terhadap mata pelajaran ini adalah kurang memberangsangkan jika dibandingjan dengan jumlah pelajar yang berbangsa Kadazandusun terutamanya di daerah Tambunan, Sabah. Dalam kajian ini juga mendapati bahawa, kurangnya minat murid terhadap matapelajaran ini menyebabkan mereka tidak mengambil subjek ini di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Faktor-faktor yang telah dikenalpasti telah mempengaruhi minat murid terhadap matapelajaran bahasa Kadazandusun ini diantaranya adalah faktor-faktor seperti persekitaran, globalisasi, sumber pengajaran dan pembelajaran (perbezaan dialek), latar belakang keluarga, pemerolehan bahasa pertama dan seterusnya dasar-dasar kurikulum terhadap mata pelajaran Bahasa Kadazandusun. Sehubungan dengan itu, kajian ini penting untuk melihat keberkesanan pendekatan Didik Hibur dalam mempengaruhi minat pelajar terhadap subjek ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain daripada itu, analisis deskriptif min bagi dua item berbeza iaitu item 1 “Saya sentiasa mengambil bahagian dalam menjalankan aktiviti dengan menggunakan pendekatan didik hibur didalam bilik darjah” dan item 2 “Saya sentiasa mengambil bahagian yang aktif semasa sesi soal jawab menggunakan pendekatan didik hibur dalam bilik darjah” masing-masing mempunyai nilai min sebanyak 3.80 dan 3.50. Dalam hal ini, penggunaan bahan bantu mengajar oleh guru amat memainkan peranan bagi menarik minat pelajar untuk melibatkan diri dalam setiap aktiviti yang dianjurkan. Dengan adanya bahan-bahan bantu mengajar yang menyeronokkan sudah pasti akan mewujudkan suasana pembelajaran yang lebih menyeronokkan.

Menurut Deen Jack (2012), sesi pembelajaran yang penuh dengan aktiviti yang menarik dengan kreativiti guru dalam menyampaikan pengajaran seperti aktiviti nyanyian dan lakonan serta memegang watak di mana ia berpusatkan murid sepenuhnya akan membentuk suasana pembelajaran yang aktif. Seperti yang pernah disuarakan oleh Tan Sri Muhyiddin Yassin “Kurikulum Lebih Kreatif”, (2010) Kementerian Pelajaran akan melaksanakan transformasi kurikulum sekolah dimana ia menekankan aspek penerokaan ilmu secara mendalam melalui pembelajaran yang lebih menyeronokkan dan tidak berorientasikan kepada peperiksaan. Melalui transformasi yang lebih berpusatkan kepada murid ini, ia mampu menerapkan budaya berfikir dengan lebih kreatif serta inovatif dalam proses pengajaran dan pembelajaran yang tidak hanya didominasi oleh guru sahaja.

Dengan menggunakan pendekatan didik hibur dalam proses pengajaran juga mampu merangsang murid untuk menjadi lebih aktif semasa sesi soal jawab di dalam kelas. Sesi soal jawab di dalam kelas haruslah bersifat terbuka. Setiap jawapan yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

diberikan oleh murid haruslah diberikan penghargaan sebaiknya. Membuatkan mereka berasa malu dengan jawapan yang mereka berikan hanya akan membantut kan keinginan mereka untuk terus bergiat aktif dalam sesi pembelajaran. Oleh itu, seorang guru perlu sentiasa bersedia dalam apa keadaan pun untuk mencapai kepuasan dan keseronokan semasa mengikuti proses pengajaran serta pembelajaran di dalam kelas. Menurut Siti Norini (2008) dalam Mazlan Ismail (2016), seorang guru perlu mempunyai pengetahuan sedia ada yang mampu menangani permasalahan murid, dapat menyelami masalah pembelajaran, bersifat humor, prihatin, kreatif dan punya kesanggupan berkongsi pendapat dengan murid.

Seterusnya analisis deskriptif bagi item 3 iaitu “Saya sentiasa mengambil bahagian dalam interaksi kerja berkumpulan menggunakan pendekatan didik hibur didalam bilik darjah” mendapat nilai purata min 4.00. Nilai purata ini adalah positif malahan berada pada tahap tinggi. Aktiviti yang ingin dilaksanakan di dalam kelas seharusnya dirancang terlebih dahulu. Pelaksanaan aktiviti yang telah dirancang perlu di lihat akan kesesuaian dengan tahap, kemampuan serta pengetahuan murid. Dengan mengadakan aktiviti yang sesuai mampu meningkatkan keseronokan murid untuk melakukan aktiviti secara berkumpulan. Menurut Fadzli dan Nurhayatul (2013), setiap aktiviti yang diberikan kepada murid-murid, perlu disertai dorongan daripada guru-guru agar dapat menimbulkan suasana yang lebih menyeronokkan. Manakala, menurut Mazlan Ismail (2016) pula, aktiviti berkumpulan yang ingin dilaksanakan perlulah mempunyai unsur-unsur pembelajaran yang dapat menimbulkan cabaran, rasa ingin tahu, kawalan, fantasi, kerjasama, persaingan yang sihat serta pengiktirafan. Melalui aktiviti yang diadakan didalam kelas, ia akan meningkatkan interaksi murid dengan murid serta murid dengan guru. Situasi ini adalah sesuatu yang amat positif dan baik

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kerana ia akan mengasah dan meningkatkan *skill communication* murid semasa berinteraksi. Bukan itu sahaja, ia juga mampu membentuk jati diri serta keyakinan murid semasa mengusulkan pendapat dan memberikan jawapan ketika disoal oleh guru mahupun rakan-rakan yang lain.

Seterusnya item 4 iaitu "Saya sentiasa membaca bahan daripada bahasa Kadazandusun yang berkaitan setelah selesai menggunakan pendekatan didik hibur didalam bilik darjah" mendapat nilai min sebanyak 3.56 dengan sp= .817. Oleh yang demikian, maklum balas daripada murid-murid dalam soal selidik untuk item ini adalah positif. Dalam hasil tulisan Rosliah Kiting (2011), salah satu hasil pembelajaran yang terkandung dalam Huraian Sukatan Pelajaran Bahasa Kadazandusun Tingkatan 3 (Nuyudan Nuludan Palajalan Boros Kadazandusun Pangaan 3) ialah memahami maklumat, isi penting serta idea yang telah didengar atau dibaca daripada pelbagai sumber. Hasil daripada pembelajaran ini adalah menuntut pelajar agar menimba ilmu pengetahuan serta membentuk sahsiah diri yang lebih kreatif bagi meningkatkan intelek melalui hasil daripada aktiviti membaca serta meneroka pelbagai cabang ilmu dengan menggunakan bermacam-macam jenis media. Sehubungan dengan itu, adalah amat baik jika guru itu sendiri dapat mendorong pelajar untuk terus membaca pelbagai bahan bacaan daripada Bahasa kadazandusun itu sendiri melalui pengaplikasian pendekatan didik hibur didalam pengajaran.

Berdasarkan buku cerita yang digunakan oleh pengkaji yang bertajuk "Tagung di Aki", ia mempunyai mesej yang mudah di aplikasikan oleh murid dalam kehidupan sehari-hari. Nilai serta pengajaran yang terdapat didalam cerita tersebut seperti sikap suka tolong menolong, kebijaksanaan, empati serta menjaga hubungan persahabatan,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

adalah mudah untuk di fahami oleh murid. Oleh itu, memandangkan bahan-bahan bacaan dalam Bahasa Kadazandusun masih kurang, maka bahan-bahan bacaan yang terdapat di pusat sumber harus di manfaatkan sebaiknya.

Item 5 iaitu "Aktiviti menggunakan pendekatan didik hibur yang dijalankan membantu saya dalam kemahiran membaca" mendapat nilai min 4.33 dengan sp= .711 berada dalam kategori tahap sangat tinggi. Item 5 ini berada pada tahap sangat tinggi, kerana murid-murid amat bersetuju bahawa melalui aktiviti yang menerapkan didik hibur yang dijalankan oleh guru dapat membantu mereka meningkatkan kemahiran membaca. Dalam hal ini juga, pengkaji berpendapat bahawa dengan penggunaan buku cerita sebagai bahan bantu mengajar memudahkan penyampaian ilmu dengan suasana yang lebih santai. Memandangkan pembelajaran yang menyeronokkan juga berkait rapat dengan penggunaan bahan bantu mengajar, maka penggunaan bahan bantu mengajar yang menarik suda pastinya akan mewujudkan suasana pembelajaran yang menyeronokkan.

Dengan menggunakan bahan bercetak seperti buku cerita yang telah disedikan oleh pengkaji sendiri, maka murid-murid dapat dilatih membaca dengan menggunakan teks yang dibaca. Murid telah dilatih untuk membaca secara mendalam, seperti bacaan intensif dan ekstensif. Selain daripada itu, kesantunan berbahasa semasa membacakan teks yang telah disediakn oleh pengkaji dapat menimbulkan keseronokan dalam kalangan murid untuk membuat pembacaan terhadap teks atau bahan-bahan bacaan dalam bentuk penulisan Bahasa Kadazandusun. Bahasa yang indah adalah meliputi ayat serta perkataan yang digunakan seperti teknik penggunaan similie, peribahasa, bahasa kiasan, serta personifikasi di dalam sesebuah karya penulisan. Keindahan bahasa ini

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

akan menyemarakkan lagi keinginan murid-murid untuk terus membaca dengan dorongan serta tunjuk ajar daripada guru. Menurut Mazlan Ismail (2016), Elemen-elemen yang terkandung dalam seni bahasa juga merujuk kepada keupayaan murid untuk mengungkap dan mengapresiasi seni melalui keindahan bahasa, memahami, menghayati serta menghargai bahasa melalui pembalajaran yang menyeronokkan. Selain daripada itu, hiasan grafik yang terdapat dalam bahan bacaan yang telah disediakan oleh pengkaji juga memberikan rangsangan kepada murid-murid untuk membaca. Watak-watak di dalam cerita "Tagung di Aki" yang telah dipamerkan sebagai hiasan grafik dalam bentuk gambar-gambar watak yang terdapat di dalam cerita tersebut juga memainkan peranan untuk menarik minat murid untuk membaca. Menurut Rosliah Kiting (2011), aktiviti mengrafikkan watak dan perwatakan dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Kadazandusun menggunakan bahan Bacaan iaitu buku cerita difikirkan sebagai suatu aktiviti yang boleh merealisasikan organisasi kurikulum pendidikan.

Sementara itu, item 7 iaitu "Kemahiran membaca dengan menggunakan pendekatan didik hibur lebih menyenangkan saya" telah mendapat nilai min sebanyak 4.36 dengan sp= .718. Teknik dan strategi pengajaran dalam bacaan akan mampu menyumbang kepada peningkatan kefahaman murid serta memudahkan mereka untuk memahami sesuatu teks dengan lebih senang. Hal ini akan memudahkan mereka untuk menerima ilmu dan melakukan kerja-kerja yang diberikan oleh guru. Perbincangan tentang item 7 ini adalah tidak selaras dengan kajian yang dijalankan oleh Azman Wan Chik (1982) dalam Rosliah Kiting (2013), dimana beliau berpendapat bahawa guru-guru bahasa melayu tidak mempunyai teknik yang khusus untuk melaksanakan pengajaran bahasa dan kefahaman. Natijahnya, murid akan lambat menguasai

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kemahiran menterjemahkan makna perkataan ataupun ungkapan yang telah di baca. Namun dalam kaedah yang digunakan oleh pengkaji iaitu melalui pendekatan didik hibur, strategi yang digunakan adalah lebih santai dengan menyebut dan memahami teks dalam buku cerita sambil melakukan gerak laku secara didik hibur. Murid-murid digalakkan untuk mengujarkan ayat dengan menggunakan bahasa yang indah dengan sebutan yang jelas dan intonasi yang betul serta menggunakan bahasa badan secara kreatif melalui penceritaan secara didik hibur semasa diminta untuk membacakan teks buku cerita tersebut. Melalui kaedah ini, murid akan lebih menyelami isi dan jalan cerita yang ingin disampaikan dalam cerita tersebut, manakala murid-murid akan lebih tertarik untuk mendengar cerita tersebut sambil menghayatinya.

Seterusnya item 10 “Saya berpendapat bahawa bahasa Kadazandusun adalah penting untuk dipelajari” memperoleh nilai min 4.20 dan sp= .714. Melalui hasil dapatan kajian ini, kaedah pembelajaran melalui pendekatan didik hibur adalah terbukti amat berkesan bagi menimbulkan keseronokan dalam kalangan murid untuk terus belajar di dalam kelas. Keseronokan untuk belajar ini adalah hasil daripada persekitaran sosial wujud daripada pendekatan yang lebih mesra murid sehingga mampu merangsang murid-murid untuk melibatkan diri dalam proses pembelajaran sepenuhnya. Selain itu, melalui pendekatan didik hibur ini juga mendapati telah memotivasikan murid-murid dan mereka sedar bahawa subjek bahasa Kadazandusun ini adalah penting untuk dipelajari.

Apabila murid-murid didedahkan dengan teknik pengajaran yang betul, maka segala ilmu yang dicurahkan akan dicerap dengan mudah dan akhirnya mereka minat serta menyedari akan kepentingan sesuatu subjek itu untuk dipelajari. Menurut Ma’rof

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dan Haslinda (2008), motivasi adalah keadaan yang menggerakkan serta mengawal tingkahlaku kearah mencapai sesuatu matlamat. Melalui taksonomi motivasi intrinsik yang dibentuk oleh Malone dan Lepper (1987), ia dapat menimbulkan keseronokan, seterusnya dapat menggerakkan pembelajaran secara berterusan dalam situasi pembelajaran yang bebas daripada pengaruh ganjaran ataupun hukuman. Hasil dapatan bagi item ini adalah selaras dengan teori konstruktivisme yang ditegaskan oleh Vygotsky, Stacey dan Beras (2002) yang berpendapat bahawa pembelajaran yang dibina berasaskan persekitaran sosial adalah amat penting untuk proses pembelajaran yang lebih berkesan.

5.2.3 Menghuraikan tahap penerimaan murid tentang penerapan didik hibur didalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Kadazandusun.

Dengan berdasarkan jadual 4.5 dalam Bab 4, hasil dapatan telah menunjukkan bahawa nilai purata skor min bagi tahap penerimaan murid tentang penerapan didik hibur didalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Kadazandusun adalah sebanyak 4.30. Hal ini menunjukkan tahap penerimaan murid tentang penerapan didik hibur dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Kadazandusun berada di tahap yang positif kerana nilai min telah mencapai tahap yang sangat tinggi. Pada masa kini, cabaran utama guru-guru adalah bagaimana untuk menarik minat pelajar untuk melibatkan diri sepenuhnya dalam sesi pembelajaran subjek Bahasa Kadazandusun. Salah satunya adalah melalui penerapan didik hibur dalam pengajaran di dalam bilik darjah. Melalui pendekatan didik hibur, ia akan menjadikan proses pembelajaran lebih interaktif malahan lebih berpusatkan kepada murid. Menurut Abdul Rasid Jamian dan Hasmah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Ismail (2013), antara ciri didik hibur didalam pengajaran adalah sesi pembelajaran yang menyeronokkan kerana adanya unsur humor

Dalam jadual 4.5, nilai min bagi item 5 “Pendekatan didik hibur menjadikan saya lebih mudah untuk membaca mengikut intonasi yang betul” telah mencapai skor min 4.50 yang menunjukkan pengkelasan nilai min berada pada tahap sangat tinggi. Penggunaan buku cerita melalui penerapan elemen didik hibur adalah amat baik untuk memudahkan murid untuk membaca mengikuti intonasi yang betul sekiranya kaedah atau penyampaian pengajaran itu sesuai serta pemilihan buku cerita mengikut tahap kemampuan murid. Menurut Awatif Abdul Rahman (2015), penggunaan teknik ini mampu menjana pemikiran yang aktif ketika membaca dan amat berkesan dalam pembelajaran bahasa. Namun demikian, kajian ini adalah berbeza dengan hasil dapatan kajian oleh Baharin Abu, Othman, Syed dan Haliza (2007) dimana beliau ada menyatakan bahawa kepelbagaian gaya pembelajaran dan kemahiran murid telah memberikan perbezaan skor min bagi aspek kemahiran membaca yang berada pada tahap yang sederhana. Hal ini adalah demikian hasil rentetan daripada kurangnya penggunaan teknik kemahiran membaca yang betul seperti mengkaji rangka topik dan kurang membuat rumusan isi dengan menggunakan ayat dan perkataan sendiri. Maka dalam hal ini, pengkaji berpendapat bahawa guru perlu memikirkan nilai tambah dalam pengajaran dan pembelajaran untuk memperbaiki mutu kemahairan membaca dengan mengikut intonasi yang betul.

Keseronokan dalam pembelajaran merupakan satu tahap yang menyenangkan bagi guru-guru. Hal ini demikian kerana pengajaran yang disampaikan adalah berkesan dan dapat diterima oleh murid-murid. Seperti dalam item 1 “Saya berasa seronok

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mempelajari bahasa Kadazandusun dengan menggunakan pendekatan didik hibur" telah mendapat nilai min 4.36. Nilai min yang diperolehi dalam item 1 ini menunjukan hasil analisis berada pada tahap sangat tinggi. Ia bermakna pengajaran mata pelajaran bahasa Kadazandusun dengan penerapan didik hibur telah merangsang pembelajaran murid-murid yang seterusnya mewujudkan keseronokan untuk terus mengikuti sesi pembelajaran. Hasil kajian ini adalah selaras dengan Standard Jemaah Nazir tentang sumbangan guru terhadap suasana pembelajaran yang kondusif, dimana standard ini telah menggariskan bahawa guru perlu mewujudkan suasana riang dan seterusnya merangsang pembelajaran, Jemaah Nazir Sekolah (2004).

Seterusnya item 2 "Saya lebih mudah belajar dan menguasai bahasa Kadazandusun dengan menggunakan pendekatan didik hibur" telah mendapat nilai min 4.46. Hasil daripada analisis ini, mendapati bahawa nilai min ini adalah positif dan berada pada tahap sangat tinggi mengikut pengkelasan nilai min. Melalui daya kreativiti oleh seorang guru, dengan mengubahsuai strategi serta teknik mengajar ia dapat dilakukan untuk mewujudkan pengajaran yang lebih menarik, bermakna serta memberi kesan yang paling maksimum. Melalui hasil dapatan item ini, ia menunjukkan bahawa pengajaran dan pembelajaran yang menerapkan didik hibur diterima baik oleh murid-murid. Jikalau guru dapat melaksanakan set pengajaran dan pembelajaran dengan bertunjangkan kemahiran yang tinggi, perancangan yang rapi, serta pelaksanaan yang sistematik maka tidak mustahil untuk menjadikan matlamat ini menjadi realiti. Pengajaran dan pembelajaran yang menerapkan didik hibur di dalam bilik darjah sesungguhnya mampu untuk menyuburkan minat belajar selain daripada menanamkan sikap positif terhadap mata pelajaran bahasa Kadazandusun.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.3 Implikasi Kajian

Hasil kajian ini sememangnya memberi implikasi kepada pihak-pihak tertentu yang terlibat secara langsung ataupun tidak langsung khususnya dalam mata pelajaran bahasa Kadazandusun. Kajian ini sedikit sebanyak akan memberikan pandangan dan pengetahuan baru dalam bidang pendidikan terutamanya yang berkaitan dengan mata pelajaran Bahasa Kadazandusun terhadap individu serta beberapa institusi seperti guru-guru bahasa Kadazandusun, Murid, IPTA, IPTS dan IPG. Hasil dapatan kajian ini adalah berdasarkan kepada soalan kajian yang telah dikemukakan oleh pengkaji. Selain itu, kajian ini juga menyumbang kepada bidang penyelidikan sebagai bahan rujukan kepada para penyelidik dalam bidang kurikulm bahasa Kadazandusun pada masa akan datang.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.3.1 Guru

Proses pengajaran yang berkesan adalah dilaksanakan secara sistematik berlandaskan dengan pendekatan, kaedah, teknik, teori dan prinsip yang di pegang. Seorang guru perlu berbakat dan berseni dalam merancang dan menyampaikan pengajaran kepada pelajar yang beraneka ragam. Pada zaman yang serba mencabar ini, guru harus sentiasa mempersiapkan diri dengan pelbagai kemahiran, kemampuan dan daya kreatif bagi menempuhi sistem pendidikan abad ke-21, di mana kaedah pengajaran yang lebih menumpukan serta berpusatkan kepada murid. Penerapan kaedah pengajaran didik hibur merupakan salah satu cara yang amat berkesan untuk diaplikasikan dalam bilik darjah. Guru harus kreatif dalam mewujudkan suasana pembelajarn yang seronok tetapi dalam masa yang sama ia masih dalam keadaan yang terkawal dan di rancang sebaik mungkin agar objektif pengajaran dapat dicapai sebaik-baiknya. Oleh yang demikian,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

guru-guru harus sentiasa bersedia dalam mengikuti pelbagai kursus yang diadakan oleh pihak KPM, bagi mendepani rencah pendidikan yang semakin rancak.

5.3.2 Murid

Melalui kajian ini, diharapkan dapat menyumbang kepada bidang kurikulum agar hasil kajian ini menjadi rujukan kepada para penggiat kurikulum iaitu guru untuk diaplikasikan didalam pengajaran Bahasa Kadazandusun untuk kebaikan murid-murid kelak. Hal ini kerana murid bergantung kepada guru sebagai sumber segala maklumat dan ilmu. Dengan adanya kajian seumpama ini, maka ia akan memberikan nilai tambah dalam proses pengajaran oleh guru yang kesannya akan dinikmati oleh murid itu sendiri serta memberi perubahan positif dalam pencapaian mereka dalam mata pelajaran Bahasa Kadazandusun.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.3.3 Pentadbir Sekolah

Teknologi pendidikan atau teknologi pengajaran adalah satu proses yang kompleks dan bersepadu dimana ia melibatkan manusia, prosedur, idea peralatan serta organisasi yang menganalisis masalah-masalah dalam keadaan dimana proses pembelajaran itu lebih bermatlamat dan terkawal. Dalam hal ini, pihak pentadbiran sekolah lebih peka dengan keperluan pengajaran abad ke-21, dimana pengajaran pada masa kini amat memerlukan alat-alat teknologi sebagai bahan bantu mengajar di bilik darjah. Hal ini bermakna teknologi pendidikan merujuk kepada proses pengajaran atau alatan yang dapat membantu guru untuk mencapai objektif pengajaran dan pembelajaran yang lebih

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

berkesan. Oleh itu kemudahan seumpama ini seharusnya mencukupi sebagai bahan bantu mengajar oleh guru-guru di sesebuah sekolah agar dapat mengembangkan pemikiran dan minda pelajar. Disekolah luar bandar contohnya masih terlalu kurang atau langsung tidak mempunya kemudahan ICT seperti komputer, LCD, CD, Pendrive, Hardware, Software, Internet dan sebagainya. Maka dengan ini diharapkan agar pihak pentadbiran menjadi "orang tengah" untuk mengusulkan segala permasalahan yang dihadapi oleh sekolah-sekolah luar bandar dalam pendidikan kepada pihak KPM.

5.3.4 Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)

Pihak Kementerian Pendidikan Malaysia perlu memainkan peranan dengan mengadakan pelbagai kursus berkenaan dengan pedagogi kepada guru-guru dengan penekanan terhadap pengajaran abad Ke-21. Melalui usaha ini, guru-guru akan lebih terdedah kepada bentuk-bentuk pengajaran dan pembelajaran terkini yang lebih menarik. Selain itu, pihak KPM harus peka dengan sekolah-sekolah luar bandar yang masih terlalu jauh ketinggalan dari banyak aspek terutamanya kemudahan infrastruktur dan kemudahan alatan dan bahan bantu mengajar yang semamangnya suda menjadi penyakit kronik dan sering dikaitkan dengan pencapaian pelajar d sesebuah sekolah sejak dari dulu lagi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.3.5 Institut Pendidikan (IPG, IPTA, dan IPTS)

Di Malaysia, terdapat beberapa institut yang menawarkan kursus perguruan dalam bidang pendidikan Bahasa Kadazandusun. Antara Institut yang menawarkan opsyen Bahasa Kadazandusun sebagai major adalah Institut Pendidikan Guru. Universiti pendidikan Sultan Idris (UPSI) pula merupakan universiti yang pertama menjadikan Bahasa Kadazandusun sebagai minor. Manakala, di Universiti Sabah Malaysia (UMS) pula menawarkan Bahasa Kadazandusun sebagai bahasa pilihan kepada pelajar asing. Oleh itu, institut-institut yang terlibat ini seharusnya melatih bakal-bakal guru dengan pelbagai kemahiran untuk bersiap sedia sebagai pendidik apabilah selesai menamatkan pengajian kelak. Bakal-bakal guru yang mengambil Bahasa Kadazandusun sebagai major dan minor juga haruslah didedahkan kepada persekitaran sekolah serta gaya pembelajaran murid disekolah. Oleh yang demikian, bakal-bakal guru ini akan lebih memahami tugasan mereka untuk mendidik anak bangsa dan sentiasa bersiaga dengan cabaran-cabaran pendidikan abad ke-21.

5.4 Cadangan Kajian Lanjutan

Kaedah dan strategi adalah amat penting bagi menarik minat murid untuk melibatkan diri sepenuhnya dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Kadazandusun di bilik darjah. Melalui kajian yang dijalankan oleh pengkaji mendapati bahawa pengaplikasian didik hibur dengan menerapkan ciri-ciri didik hibur seperti pengajaran yang menarik, mewujudkan minat serta penglibatan sepenuhnya dalam P&P telah memberi impak yang sangat positif melalui respon sampel kajian iaitu murid yang terlibat dalam kajian ini. Masih terdapat banyak ciri-ciri didik hibur yang boleh diterapkan didalam

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pengajaran dan pembelajaran yang boleh gunakan oleh guru-guru sebagai kaedah pengajaran bagi menarik minat murid-murid untuk terus melibatkan diri dalam pembelajaran.

Kajian ini hanya dijalankan didalam satu buah sekolah luar bandar di negeri Sabah sahaja. Kajian ini masih boleh dikembangkan dengan mengambil sampel daripada beberapa buah sekolah untuk mengetahui tahap penerimaan murid-murid yang mengambil matapelajaran bahasa Kadazandusun berkenaan dengan penerapan didik hibur ini. Selain itu, pengajaran dan pembelajaran dengan penerapan didik hibur boleh dipelbagaikan lagi dan tidak hanya terikat dengan penggunaan buku cerita semata-mata. Namun masih terdapat pendekatan-pendekatan dalam proses pengajaran dan pembelajaran yang bersifat santai dan berhibur melalui penekanan dan cara pelaksanaannya terhadap empat komponen sastera yang lain seperti nyayian, bercerita, lakonan dan puisi. Selain daripada itu, penghasilan modul pengajaran dengan menggunakan pendekatan didik hibur amat membantu guru-guru untuk menjalankan sebarang aktiviti pengajaran yang menyeronokkan.

Pemilihan lokasi kajian ini iaitu di Daerah Ranau telah memberi fokus kepada murid-murid dalam kelompok etnik Bundu sahaja sebagai sampel kajian. Pemilihan daerah ini adalah kerana secara majoritinya, ia diduduki oleh masyarakat Kadazandusun. Malahan, etnik bundu juga dipilih kerana Bahasa etnik ini adalah salah satu Bahasa yang digunakan sebagai dasar pemiawaian bahasa standard Kadazandusun untuk pengajaran dan pembelajaran, Rosliah Kiting (2016) (m/s 357). Oleh yang demikian, untuk kajian yang akan datang, penyelidik mencadangkan agar ia dilakukan terhadap etnik-etnik lain dalam rumpun Kadazandusun untuk memperkayakan lagi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

bahasa Kadazandusun. Penyelidikan yang meliputi kesemua daerah harus dilakukan untuk mendapatkan lebih banyak koleksi *tangon* sebagai usaha murni dalam memperkaya serta mendokumentasi tradisi lisan ini. Semakin banyak koleksi tradisi lisan yang diperolehi, maka semakin banyak bahan tradisi lisan yang dapat diselamatkan untuk generasi pada masa akan datang. Hasil dokumentasi ini akan memberikan impak yang positif kepada generasi yang akan datang dengan adanya dokumentasi warisan yang banyak untuk disumbangkan kepada bidang pendidikan sebagai bahan pengajaran.

Seterusnya, penyelidikan ini hanya mengggunakan 30 orang murid sebagai sampel kajian yang terdiri daripada etnik bundu dan terdiri daripada murid menengah rendah sahaja. Bagi kajian yang selanjutnya, boleh menggunakan jumlah sampel yang lebih ramai dan mengaplikasikan pengajaran didik hibur dengan menggunakan tangon ini terhadap pelajar menengah atas.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.5 Rumusan

Kesimpulannya, berdasarkan kajian yang telah dijalankan, pengkaji berharap agar guru-guru memainkan peranan yang lebih lagi untuk melahirkan pelajar yang cemerlang. Oleh yang demikian, pelajar-pelajar perlu didedahkan dengan teknik-teknik pengajaran yang lebih menarik agar dapat mengaplikasikan pembelajaran mengikut tahap sendiri. Selain itu, pihak KPM perlu mengadakan kursus-kursus yang berlandaskan pengajaran abad ke-21 agar memberi ruang kepada guru-guru untuk menimba ilmu dan menambah pengalaman untuk menghadapi pengajaran abad ke-21 yang semakin mencabar ini. Tidak lupa juga, penanaman budaya membaca dalam kalangan murid perlu disuburkan lagi dengan penggunaan bahan bantu mengajar seperti buku cerita didalam pengajaran dan pembelajaran. Pada masa kini, guru sebaik-baiknya "pemudahcara" dalam menyampaikan ilmu pengetahuan kepada murid-murid. Maka, usaha keras daripada pelbagai pihak amat diperlukan bagi menjana budaya pembelajaran yang baik demi melahirkan generasi yang cemerlang akademik, sahsiah diri, intelek dan rohani.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

RUJUKAN

Abdul Hamid Mahmood. (1993). *Guru Dan Bahasa Melayu*. Media Printext (M) Sdn. Bhd.

Abdul Hamid Mahmood. (1994). *Sintaksis Dialek Kelantan*. Dewan Bahasa Dan pustaka, kementerian Pendidikan Malaysia, kuala Lumpur.

Abdul Majid Bin Min. (2004). *Komponen Sastera : Satu Kajian Kes Kefahaman Membaca Prosa Tradisional Di Kalangan pelajar Tingkatan Satu Di Daerah Raub, Pahang*. Universiti pendidikan Sultan Idris.

Abdul Aziz, Deraman. (2002*). "Kesusasteraan Kebangsaan Dalam Sistem Pendidikan Membentuk Masyarakat Madani di Malaysia"*, dlm Dewan Sastera, halaman 13-17.

Abdul Ghani Abdullah, Abd. Rahman Abd. Aziz & Abdul Rashid Mohamed. (2010). *Humor Dalam Pengajaran.* Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.

Ali Ab. Ghani (2008). *"Kurikulum Bahasa Melayu Sebagai Pemangkin Pengajaran & Pembelajaran yang Menyeronokkan".* Prosiding Seminar Serantau Pendidikan Bahasa Malaysia/Indonesia Pembelajaran Bahasa yang Menyeronokkan. Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, 21 – 25 Disember, 2008.

Awatif Abdul Rahman (2015). *Fleksi I'rab Dalam Bacaan Kefahaman Bahasa Arab.* Jurnal Sultan Alaudin Sulaiman Shah (JSASS); PPT,KUIS.

Azman Wan Chik. (1982). *Trend-Trend Baru Dalam Bidang Pendidikan Bahasa*. Utusan Publicatios & Distributors SDN. Berhad.

Azura Bt Abdul Aziz. (2007). *Nilai Peribahasa Membina Modal Insan.* Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Azrina Binti Ariffin. (2010). *Keberkesanan Dan Kesesuaian Modul berlagu Pantun Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Novel Azfa Hanani Untuk Pelajar Tingkatan 4.* Universiti Pendidikan Sultan Idris.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Azrina Bt. Ariffin. (2010). *Keberkesanan dan Kesesuaian Modul Berlagu Pantun dalam Pengajaran dan PembelajaranNovel Azfa Hanani untuk Pelajar Tingkatan Empat*. Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Baharin A., Othman. M.J., Syed M.Shafeq S.M., dan Haiza.J. (2007). *Kepelbagaian Gaya Pembelajaran dan Kemahiran Belajar Pelajar Universiti di Fakulti Pendidikan UITM Johor*. Diperolehi pada 8 September 2017 daripada http://eprints.utm.my/3680/1/71881.PDF.

Bacon, J, (1968). *Weighted Kappa – A Nominal Scale Agreement with Provision for Scaled Disagreement or Partial Credit*. Psychological Bulletin, 70:213-220. Dalam Zamri Mahmod dan Noriah Mohd. Ishak (2003) Analisis Cohen Kappa dalam Penyelidikan Bahasa – Satu Pengalaman. Kertas Kerja Seminar Penyelidikan Guru Peringkat Kebangsaan. Anjuran Bahagian Pendidikan Guru, KPM. Kuching, 19-20 Ogos.

Bahagian Pembangunan Kurikulum. (2008). *Kurikulum Standard Bahasa Malaysia (Draf). Putrajaya* :Kementerian Pelajaran Malaysia.

Bahagian Pembangunan Pembangunan Kurikulum (2010). *Dokumen Standard Kurikulum Bahasa Malaysia Sek. Kebangsaan. Putrajaya*: Kementerian Pendidikan Malaysia.

Bahagian Pembangunan Kurikulum. (2011). *Kurikulum Standard Bahasa Malaysia* (draf). Putrajaya. KPM.

Bolling, C.J. (2008). *Reading Success in the Intervention Classroom.* NY:McGraw.

Cohen, L.M. (1994). *Measurering And Evaluating School Learning*. Ed. Ke-2. Boston: Allyn and Bacon.

Cohen, J.W. (1998). *Statistical Power Analysis for the Behavioral Sciences Ed. Second*. Hillsdale, New Jersey: Lawrance Erlbaum Associaties.

Cresswell, J.W. (2002). *Educational Research – Planning, Conducting and Evaluating Quantitative and Qualitative Research (2nd Ed)*. New Jersey : Pearson Merril Prentice Hall.

Cresswell, J.W (2005). *Educational Research – Planning, Conducting and Evaluating Quantitative and Qualitative Research (3rd Ed.)* New Jersey: Pearson Merril Prentice Hall.

Cronbach, L.J.(1994). *Response Sets and Test Validality, Educational and Psychological Measurement* 6:672 – 683.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Cohen Kappa dalam Penyelidikan Bahasa – *Satu Pengalman*. Kertas Kerja Seminar Penyelidikan Guru Peringkat Kebangsaan. Anjuran Bahagian Pendidikan Guru, KPM. Kuching, 19 – 20 Ogos.

Evelyn Annol .(2015). *Sebutan & Lambang 29 Abjad Bahasa Kadazandusun*. IPG Kent Tuaran.

Farra Humairah Binti Mohd. (2011). *Kajian Tentang Fungsi Cerita Binatang Melayu-Arab Dalam PendidikanKesusasteraan Awal Kanak-Kanak*. Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Fraenkel, J.R. dan Wallen, N.E. (1996). *How to Design and Evaluate Research.* USA: Mc. Fraw – Hill Inc.

Faridah Nazir. (2008). *Analisis Kurikulum Bahasa Melayu, Pedagogi, Pendekatan Pengajaran Mikro dan Makro*. Modul Universiti Malaysia. Kuala Lumpur: Open University Malaysia.

Fauziah Md. Jaafar. (2011). *Kepentingan Aktiviti Bermain didalam Pendidikan Prasekolah.*http://web.usm.my/education/MEDCV/V013/11.%20kepentingan%/20aktiviti%20bermain%20%pend%20prasek.pdf.retrieveon:20 Mac 2012.

H.A.W Widjaja. (1986). *Komunikasi Dan Hubungan Masyarakat*. Diterbitkan Oleh Bumi Aksara.

Gidah, Mary Ellen. (2001). *Archetypes In The Cosmogonic Myths Of The Australian Aboriginal people And The Kadazandusun Of Sabah. Kota Kinabalu*: Universiti Malaysia Sabah. P.90-99.

Henry Guntur Tarigan. (1993). *Strategi Pengajaran Dan pembelajaran Bahasa*. Penerbit Angkasa.

Henry Guntur Tarigan. (1988). *Metodologi Pengajaran Bahasa.* Penerbit Angkasa Bandung.

Indrawati dan Wanwan Setiawan. (2009). *Pembelajaran Aktif, Kreatif, Efektif dan Menyeronokkan untuk Guru Sd. Bandung*. PPPPK IPA.

Joriah Md. Saad (2009). *Tingkah Laku Kepimpinan Pengajaran dan Kepimpinan Transformasional dalam Kalangan Pengetua Kanan dan Pengetua Biasa di Sekolah Cemerlang Serta Pengaruhnya ke Atas Komitmen Guru.* Tesis Sarjana Penidikan, Universiti Utara Malaysia.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

